



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 30

RABU 26HB. JULAI, 1978.

1398 رابو 20 شعبان

PERCHUMA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

BAGINDA SERU RAAYAT SUPAYA BERKERJASAMA DGN. KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika berangkat ka-daerah2 sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda ke-32 telah menyeru seluruh lapisan raayat dan penduduk di-daerah2 Temburong,

Tutong dan Belait supaya sama2 melipat-gandakan usaha untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman negeri ini.

BERTITAH DI-TUTONG pada hari Khamis, 20hb Julai lepas, Baginda Yang Dipertuan mengingatkan raayat di-situ supaya melipat-gandakan usaha ka-araf yang berkebaikan.

Baginda juga menyeru mereka supaya terus memberikan kerjasama yang sa-penoh-nya kepada Kerajaan Baginda dalam usaha2 ka-araf memperkukuhkan lagi keselamatan dan keamanan serta kemakmoran dalam negeri.

Suasana yang sa-demikian itu, titah Baginda, amat-lah mustahak untuk membolehkan Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini terus menerus berkembang maju ka-araf yang di-redhai oleh Allah.

"Usaha2 yang berlipat-ganda lebeh2 lagi di-perlukan mulai dari sekarang sa-bagai persediaan supaya Brunei dengan izin Allah akan dapat menghadapi masa hadapan yang cerah dengan penoh keyakinan dan sentiasa di-bawah perlindungan Allah," titah Baginda.

Mengenai dengan sambutan di-daerah itu, Baginda Yang Dipertuan dengan ikhlas mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang berkenaan kerana bersusah payah pada mengusahakan berjenis2

achara perayaan untuk menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 itu.

BERTITAH DI-TEMBURONG pada hari Selasa, 18hb Julai lepas, Baginda Yang Dipertuan menjelaskan bahawa usaha2 yang sedang dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan Baginda di-seluruh negeri ada-lah semata2 untuk membolehkan Negeri Brunei menghadapi masa hadapan yang cerah dengan perasaan yang penoh bertanggung-jawab.

Oleh itu, Baginda juga menyeru raayat di-daerah itu supaya terus mengusahakan perkara2 yang berkebaikan di-samping melipat-gandakan tenaga berkerjasama dengan Kerajaan Baginda pada melaksanakan berjenis2 ranchangan untuk keselamatan, keamanan dan kemakmoran negara.

Baginda juga sangat2 menghargakan terhadap tenaga2 penduduk2 di-daerah itu pada merayakan hari keputeraan Baginda tahun ini.

DI-DAERAH BELAIT pada hari Ahad, 23hb Julai lepas, Duli Yang Maha Mulia juga menitahkan peringatan2 yang serupa dengan harapan semoga penduduk2 di-Belait juga akan terus berusaha sama untuk memelihara dan mengukuhkan lagi suasana keamanan dan ke-

tenteraman yang sedia ujud di-negeri ini.

Baginda Yang Dipertuan mengharapkan agar rahmat yang sedang kita nekmati sekarang di-segi keamanan dan ketenteraman dan kemakmoran itu akan terus kita nekmati tanpa gangguan.

Baginda bertitah bahawa usaha2 kebaikan dan kerjasama yang erat yang di-berikan kepada Baginda dan Kerajaan Baginda itu ada-lah lebeh2 lagi di-perlukan dalam beberapa tahun yang akan datang pada membolehkan Baginda dan Kerajaan Baginda menyusun segala persiapan bagi Negeri Brunei menghadapi masa depan yang gemilang dengan penoh keyakinan yang negara kita dan segala isi di-dalam-nya akan terus menikmati keamanan dan kebahagiaan.

Kapada penduduk2 di-daerah itu, Baginda juga tidak lupa menyatakan keikhlasan Baginda mengucapkan terima kasih kerana menjayakan berbagai2 upacara perayaan di-daerah itu pada tahun ini.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan di-iringi oleh Dayang Marhani ketika menyaksikan pameran.

Pameran bunga2 hidup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pagi Ahad yang baru lalu telah berkenan berangkat untuk merasmikan Pameran Bunga2 Hidup yang di-anjarkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI).

Pameran tersebut telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini sempena meraihan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun dan telah di-serikan dengan lebeh dari 400 bahan pameran bunga2an.

Pameran itu juga telah dibuka untuk kunjungan orang ramai sa-lama dua hari bermula hari Ahad antara jam 2.00 petang hingga 8.00 malam dan hari Isnin dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

Keberangkatan tiba Baginda Raja Isteri telah di-sambut oleh pemimpin2 WI yang kemudian majlis di-dahului dengan ucapan dari Pengerusi Pameran, Dayang Marhani bte Abdul Latif.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah bertitah bagi menandakan perasmian pameran pagi itu yang kemudian-nya telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh salah sa-orang ahli WI.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian-nya telah juga menyaksikan pameran itu yang di-iringi oleh Pengerusi Pameran, Dayang Marhani.

Turut berangkat ka-pameran itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

SHILING KENANG2AN

PEMANGKU Pengerusi Lembaga Mata-Wang Brunei mengumomkan minggu ini bahawa sa-bilangan terhad wang shiling emas peruf \$1,000.00 akan di-keluarkan pada 1hb Ogos, 1978 bagi memperingati ulang tahun Perpustakaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-10 tahun.

Walaupun wang shiling itu sah di-perlakukan di-Negeri ini, ia-nya bukan-lah untuk di-peredarkan tetapi ada-lah di-maksudkan untuk pengumpul2. Wang2 shiling itu khas di-buat oleh Royal Mint, di-London dan tiap2 keping di-muatkan dalam satu kotak hadiah yang juga mengan-

dongi satu surat akuan ketulanan.

Butir2 bagi sa-tiap keping wang shiling itu ia-lah:—

Champuran: 916.7 emas
83.3 tembaga
Garis Pusat: 40 millimetre
Berat : 50 gram.
Kurang lebeh 0.27 gram.

Wang2 shiling itu hanya boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Mata-Wang Brunei, Bangunan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, mulai dari 1hb Ogos, 1978 pada tiap2 hari waktu bekerja mulai jam 8.00 hingga 11.30 pagi dan dari 2.00 hingga 3.30 petang. Wang2 shiling itu berharga sa-banyak \$1,400.00 sa-keping.

Pasokan Polo D. Y. M. M. menangi perlawanan akhir

JERUDONG. — Pasokan Polo Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang di-ketuai Baginda telah memenangi perlawanan akhir polo bagi Piala Pulis yang telah berlangsung di-padang polo sini, Sabtu lepas.

Perlawanan tersebut ada-lah merupakan satu lagi achara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan. Pasokan Baginda telah mengalahkan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dengan lapan berbalas lima mata.

Perlawanan hari itu telah menyaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei serta pembesar2 negara yang lain.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KEAJAAN
NEGERI
BRUNEI

26HB JULAI, 1978

TUNAIKAN SEGALA IKRAR

SEMPENA menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun ini, semua daerah di-seluruh tanah ayer kita Brunei Darussalam ini di-hiasi dengan pintu2 gerbang, berchuchol, pertunjukan2, pertandingan2 sokan dan sa-bagai-nya; untok meraikan hari yang di-tunggu2 itu tanda keshukoran kepada kepala negara yang berdaulat, ia-itu, Raja, Sultan dan Yang Dipertuan yang di-kasehi oleh seluruh raayat serta penduduk di-negeri ini.

Achara rasmi bermula pada 15hb Julai lepas di-ibu kota, Bandar Seri Begawan, Istiadat Perbarisan Kehormatan Diraja dan di-ikuti dengan Istiadat Mengadap Menjunjong Duli. Di-Daerah Temburong achara bermula pada 18hb Julai; Daerah Tutong pada 20hb Julai dan Daerah Belait pada 23hb Julai, masing2 memulakan achara rasmi dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan Diraja dan di-ikuti dengan Mengadap Menjunjong Duli.

Di-Istiadat Mengadap Menjunjong Duli, di-ibu kota, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, bagi pekah pegawai2 dan kakitangan Kerajaan serta raayat dan penduduk di-negeri ini, menyembahkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda serta berikrar berdiri tegoh di-belakang Kerajaan Baginda. Ikrar yang sama juga di-ikuti dalam Istiadat Mengadap Menjunjong Duli di-Daerah Tutong, Belait dan Temburong yang telah di-sembahkan oleh Yang Berbahagia Pegawai Daerah.

Perkara yang penting menjadi tanggung-jawab kita pada menunaikan segala ikrar itu, ia-lah untok mengekalkan kedaulatan Raja yang kita pusakai turun temurun, kedaulatan negara Brunei Darussalam, kedaulatan bangsa Brunei dan Ugama Islam yang maha suci. Ada-lah menjadi kewajipan kita untok sentiasa berusaha ka-arah itu dan jangan-lah kita lari dari dasar yang telah di-tetapkan dalam apa jua langkah2 dan chara2 kita menyelesaikan masalah2 hidup yang kita hadapi di-samping bertawakal kepada Allah s.w.t. supaya sa-tiap dari usaha kita itu akan mendapat keredhaan-Nya jua.

Sa-bagai menunaikan ikrar itu juga seluruh raayat dan penduduk di-negeri yang bertuah ini wajib menyahut saperti yang pernah di-titahkan Baginda supaya memelihara dan mempertahankan keselamatan dan ketenteraman. Kerana titah Baginda, "Dengan ada-nya keselamatan dan ketenteraman saja-lah, kita dengan izin Allah, akan dapat meneruskan usaha2 pada membangun dan membina lagi negeri kita Brunei Darussalam ini."

Baginda seterusnya mengingatkan kepada pegawai2 Kerajaan Baginda supaya sa-daya upaya menjalankan tugas2 dan tanggung-jawab mereka itu dengan mengikut serta berpandukan dasar2 Ugama Islam, untok menjadikan Islam dan ajaran2 Ugama Islam itu sa-bagai chara hidup yang lengkap.

Baginda juga pernah bertitah: "Jangan-lah hendak-nya kita hanya beramal dan bekerjasama pada perkara2 yang mendatangkan keuntungan untok faedah2 dan kepentingan diri sendiri atau perseorangan dan tidak mahu bekerjasama, tidak mahu bertolong2-an untok kebajikan masyarakat dan negeri kita pada keseluruhannya." Titah Baginda ini-lah kita junjong setinggi2-nya di-sertai ikrar ta'at setia kita yang tidak berbelah bahagi yang seharusnya kita tunaikan dengan penoh amanah.

MEMPERINGATI ULANG TAHUN KE-10 PERPUSPA'AN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGERI BRUNEI



SETEM2, SAMPUL HARI PERTAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan menjual setem2, sampul2 Surat Hari Pertama dan Souvenir sheet kerana memperingati 10 tahun Perpustakaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, mulai pada 1hb Ogos, 1978.

Setem2 itu berharga: 10 sen, 20 sen dan 75 sen. Sementara sampul surat hari pertama \$1.35 tiap2 satu dan souvenir sheet \$1.20 tiap2 satu.

CHONTOH2 setem2 dan sampul surat hari pertama yang akan di-jual sa-hingga simpanan itu habis, saperti gambar kiri dan bawah.

Upacara tamat latehan

JALAN MUARA. — Satu upacara perbarisan tamat latehan bagi sa-ramai 34 orang pelatoh2 Pulis akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis Diraja sini pada 3hb Ogos depan mulai jam 7.45 pagi.

Upacara perbarisan tamat latehan itu akan dilaksanakan oleh Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha.

Upacara tersebut akan serikan oleh pancharagam Pulis Diraja. Pegawai dan isteri serta ibubapa atau penjaga mereka yang tamat latehan ada-lah di-antara yang akan menghadhirinya.

SEMENTARA itu, bertempat di-Pusat Latehan Pulis Diraja tengah-hari ini, satu upacara menyampaikan tali pinggang judo kepada 34 orang pelatoh Pulis telah di-jalankan. Penyampaian tali pinggang itu di-laksanakan oleh Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid yang juga sa-laku Yang Dipertua Persatuan Judo dan Karate Negeri Brunei.

Sa-takat ini sa-ramai 1,864 orang telah menerima tali-pinggang judo termasuk yang telah menerima tali-pinggang hitam, ungu dan biru.



SAMPUL SURAT RESMI HARI PERTAMA OFFICIAL FIRST DAY COVER

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 19hb Julai, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN:

1. LADA KERING — \$2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Co.,
No. 32, Jalan Sultan.
2. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur.
3. KACHANG KUDA — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. LADA KERING — \$2.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sharikat M. Haji,
No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. BAWANG MERAH — \$1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty;
b) Teo Hiang Hng,
No. 45, Jalan Pretty;
c) Chop Haw Min,
No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.

3. KACHANG KUDA — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Kok Kit Hin,
No. 28, Jalan Pretty.
- b) S. S. Sa'adiah,
No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
- c) Sharikat M. Haji,
No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA:

1. LADA KERING — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
- b) Hj. C. A. Mohammed & Son,
No. 51, Jalan Bunga Kuning.
- c) Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

2. BAWANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
- b) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.
- c) Chop Nam Wah,
No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

3. KACHANG KUDA — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—

- a) Chop Yick Heo,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

PANTAI RIA MUARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pantai Muara sekali lagi menjadi tumpuan orang ramai pada 23hb Julai, lalu ia-itu Temasha Pantai Ria.

Temasha pantai ini di-adakan bersempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei/Muara.

Berbagai achara pertandingan bagi kanak2 dan orang dewasa telah di-perandingkan pada hari itu.

Bagi kanak2 mereka telah berpeluang untok mengambil bahagian dalam peraduan membuat bentuk bebas daripada pasir, lumba lari mengangkat ayer dari pantai ka-deram, mewarnakan gambar dan menchari barang yang tertulis dalam kad.



KURSUS SENI MUSIK

SA-RAMAI 33 orang guru2 di-Daerah Belait telah menerima sijil pengakuan kursus Seni Musik bertempat di-Sekolah M.M. Mohd. Alam, Seria, baru2 ini. Kursus tersebut anjoran Jabatan Pelajaran Brunei Bahagian Kesenian, kali ke-empat.

Gambar kiri menunjukkan sa-bahagian daripada peserta kursus sedang mempersembahkan permainan mereka. — Kiriman Tuah bin OKMD Haji Saman.



ISTIADAT PERBARISAN
KEHORMATAN DAN
MENCADAP DAERAH
TEMBURONG.

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, di-Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Istiadat Mengadap, di-Pekan Bangar, Temburong.

RAAYAT TEMBURONG BERDIRI TEGOH DI-BELAKANG D. Y. M. M.



Pemangku Pegawai Daerah Temburong,
Awang Abdul Aziz.

RAAYAT dan penduduk Daerah Temburong telah menyembahkan ikrar ta'at setia dan tetap berdiri tegoh di-belakang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam melaksanakan keperluan2 bagi menghadapi kemerdekaan Brunei dalam tahun 1983.

Dalam menjunjung kaseh atas titah Baginda di-Lapau mengenai dengan kemerdekaan Brunei itu, mereka juga menyembahkan untuk terus menyumbangkan jasa bakti mereka dalam menjayakan apa jua usaha yang di-ambil oleh Kerajaan Baginda.

Ikrar yang demikian itu telah di-sembahkan di-hadapan Baginda oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Haji Mohammad di-istiadat mengadap dan menyembahkan keshukoran bagi sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 yang diadakan di-daerah itu. Istiadat tersebut berlangsung di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Pekan Bangar pada hari Selasa, 18hb Julai lepas.

Pemangku Pegawai Daerah itu sa-terus-nya menyembahkan kemajuan2 yang di-chapai dan yang akan terus di-usahakan bagi mengembang-majukan lagi daerah tersebut.

Awang Abdul Aziz berdatang sembah bahawa beberapa chawangan jabatan Kerajaan telah pun di-adakan dan bilangan kaki-tangan juga bertambah bagi menyelaraskan dasar Kerajaan Baginda untuk mem-

berikan perkhidmatan pentadbiran yang "efficient" kepada raayat dan penduduk.

Raayat dan penduduk di-Temburong, sembah Pemangku Pegawai Daerah itu, telah mula menekmati hasil2 projek pembangunan yang telah lama diranchangkan ia-itu bekalan ayer yang di-niatkan pembekalan-nya menyeluruh ka-kampung2 di-daerah itu termasuk di-pendalaman yang dulu-nya hanya mendapat bekalan ayer melalui telaga dan sungai.

Menyembahkan sistem perhubungan pula, Awang Abdul Aziz berdatang sembah bahawa perkhidmatan talipon sa-chara STD yang di-mulakan pada 16hb Jun lalu telah berjaya mendekatkan Temburong dengan daerah2 yang lain di-negeri ini.

Temburong akan terus di-kembangkan dalam bidang2 sosial. Pembinaan Dewan Kemasharakatan yang menelan belanja hampir satu juta ringgit akan di-laksanakan segera dan demikian juga usaha sedang giat di-jalankan untuk menambah bangunan sekolah2 menengah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, ada-lah di-antara pembesar2 negara yang hadir di-Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Istiadat Mengadap sempena Puja Usia Kebawah D.Y.M.M. yang telah di-langsungkan di-Pekan Bangar, Temburong pada 18hb Julai, 1978.

Menyembahkan keshukoran atas keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-daerah itu pada pagi tersebut, Pemangku Pegawai Daerah itu mensifatkan-nya bukan saja menambahkan lagi semangat raayat, bahkan menimbulkan keyakinan yang kuat bahawa masa depan penduduk2 di-daerah itu adalah cerah dan lebeh kukoh bagi kemakmoran, kebahagiaan, perpaduan dan keselamatan di-bawah pimpinan Baginda Yang Dipertuan.

Bermula pada hari itu, Daerah Temburong di-sinari dengan beraneka-warna perhiagaan dengan wajah2 gembira penduduk-nya sambil mengadakan beberapa acara perayaan tanpa kemegahan mereka terhadap raja yang mereka kasehi.

Perbarisan kehormatan sa-

bagai acara tradisi sa-tiap sambutan hari keputeraan Baginda di-negeri ini adalah merupakan pembukaan sambutan di-daerah itu dalam mana Baginda Yang Dipertuan telah menerima tabek kehormatan dan memeriksa perbarisan yang terdiri dari anggota2 battalion pertama AMDB.

Kehadiran pembesar2 negara yang menyertai keberangkatan Baginda ka-daerah itu menambahkan lagi kegirangan raayat dan penduduk Temburong.

Lumba perahu sa-bagai acara yang utama di-sa-tiap daerah di-ambil bahagian bukan saja oleh penduduk2 di-Temburong, bahkan dari Bandar Seri Begawan juga bagi sama2 meramaikan sambutan di-situ.

Daerah Temburong akan terus merayakan hari keputeraan Baginda itu sa-hingga akhir bulan ini.

DAULAT TUANKU

MENYEMBAHKAN IKRAR TA'AT
SETIA YANG TIDAK BERBELAH
BAHAGI SERTA BERDIRI TEGOH
DI-BELAKANG DULI YANG MAHA
MULIA DAN KERAJAAN BAGINDA.



LUMBA perahu sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. ke-32 bagi Daerah Temburong pada tahun ini. Achara2 perayaan akan di-teruskan hingga akhir bulan ini di-Daerah Temburong.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Weeklong celebrations to mark the thirty-second birthday of His Highness the Sultan in the Temburong District began with a colourful parade on the Sultan Hassan Malay School padang in Bangar last Tuesday morning.

The parade was led by Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Hussin bin Haji Sulaiman who also commanded the massive parade held three days earlier on the Town Padang here.

The Bangar parade consisted of contingents from the First Battalion, Royal Brunei Malay Regiment, the cadets RBMR and Boy Scouts.

A composite band made up of the regimental band and Corp of Drums was in attendance.

His Highness the Sultan's arrival was greeted by thousands of people in the district including flag-waving schoolchildren who lined the routes and the padang.

His Highness took the royal salute and shortly after, inspected the Guard of Honour accorded by one hundred and thirty officers and men of the Temburong and Berakas-based First Battalion, and reviewed the voluntary bodies.

After the Sultan completed his inspection of the parade, the participants preceded by the band marched past the royal platform where His Highness again received the royal salute.

The march past completed, the Royal Brunei Police Saluting Gun Unit started to fire a 21-gun salute at ten-second intervals in co-ordination with the Feude-Joie from the honour guard.

This was followed by proclamations of Daulat Tuanku from the participants.

Almost immediately after the parade, obeisance ceremony was held at the Pengiran Muda Mohammed Bolkih Religious School where the Acting District Officer, Awang Abdul Aziz bin Mohammad read his congratulatory message on behalf of the government servants and people in the district.

Similar parades were also held the following Thursday and Sunday in



His Highness the Sultan escorted by the Commander of the Tutong parade, Major Abdul Aziz reviewing the Red Cross detachment.

COLOURFUL PARADES MARK THE START OF BIRTHDAY CELEBRATIONS IN ALL DISTRICTS

the Tutong and Belait districts respectively.

In TUTONG, the parade comprised the Guard of Honour mounted by one hundred and two officers and men of the Second Battalion, Royal Brunei Malay Regiment and was commanded by Major Abdul Aziz bin Abdullah.

Also taking part in the parade held on the Muda Hashim Secondary Malay School padang were a composite band made up of the regimental band and the Second Battalion Pipes and Drums, the cadets RBMR and Royal Brunei Police, Red Cross, Boy Scouts and Girl Guides.

The parade witnessed by thousands of people was followed by an obeisance ceremony at the Muda Hashim Secondary Malay School hall.

The District Officer Awang Haji Yahya bin Haji Harris delivered his congratulatory speech on behalf of the government servants and people in the district.

In BELAIT, the parade was watched by thousands of people and made up of the Guard of Honour mounted by one hundred and sixty officers, men and women of the Royal Brunei Police Force, and detachments from the cadets Royal Brunei Police

and RBMR, Customs Department, Red Cross, Boy Scouts and Girl Guides.

The parade, commanded by Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa DSP Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail, was held on the Kuala Belait Recreation Club padang.

The Royal Brunei Police Band was in attendance.

Shortly afterwards an obeisance ceremony was held at the Civic Centre where the District Officer Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar read his congratulatory message on behalf of the government servants and people in the district.

Among those present at the parades and obeisance ceremonies were His Excellency the British High Commissioner, Mr. James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkih and other members of the

Royal Family, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, the Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir, the hon'ble State Secretary, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, Legco members, Pengirans, Pehins, community leaders and senior government officials.

Three more mosques to be built

BANDAR SERI BEGAWAN. — The government has accepted tenders for the construction of two mosques at Kampong Selangan in the Temburong District and Kampong Tanah Jambu in the Brunei Muara District.

Both tenders have been awarded to Haji Mohammad Yusof bin PDI Haji Mokti. The Kampong Selangan mosque will cost \$142,286 and will be completed in seven weeks' time.

The mosque at Kampong Tanah Jambu in Gadong will cost \$153,810 and will be ready within five months.

The government has also called for tenders for the construction of a mosque at Kampong Sinaut in Jalan Tutong.

The following is the speech of the British High Commissioner delivered at the Lapau on July 15.

THE QUEEN SENDS BEST WISHES FOR A HAPPY BIRTHDAY CELEBRATION

Your Highness

This is the fourth occasion on which I have had the honour as Her Majesty's High Commissioner in Brunei to convey Her Majesty's birthday greetings to your Highness. Her Majesty's message reads:—

"I send warm greetings to Your Highness, and my best wishes for a happy celebration of your birthday, and for good fortune in the years ahead. I recall with much pleasure Your Highness's visit to London this summer and the successful conclusion of talks which will carry into the future the existing close friendship between the United Kingdom and Brunei".

The message is signed Elizabeth R.

On this happy occasion for Brunei, and for all the very many friends of Brunei, may I also be permitted to convey to Your Highness and the people of Brunei the good wishes of Her Majesty's Government.

In addition it falls to me to have the honour to offer congratulations on behalf of all the British community in Brunei. It is my trust that all the British people who have the privilege of living in Brunei and serving Your Highness in so many different ways are conscious of their duty, always to do their best for the State and people of Brunei.

May I now follow the practice of High Commissioners in Brunei and offer a few general words. Her Majesty's message of greetings referred to the talks which took place in London last month. I had the honour of being present at these very important talks which were characterised by a spirit of warm friendship and understanding between Brunei and Britain.

The good wishes of the very many British friends of Brunei were with Your Highness, and there was widespread satisfaction that the talks reached such a successful conclusion.

Perhaps I may continue to follow the practice of former years, and turn from external matters to offer congratulations on various developments within Brunei. Once again the oil industry has made its contribution to prosperity. During the year I was permitted to witness part of the impressive laying of sixty miles of new pipeline from the Champion field offshore. Other impressive oil developments took place on land.

A notable event of a different sort was the success of one of Your Highness's subjects in winning the regional Koran reading competition last September. This was brought to the fore by Radio and Television Brunei now themselves a regional leader in their field. May I also be permitted to mention developments under Your Highness's wise rule in education and health, also in Your Highness's regiment and police and in other departments of Your Highness's State.

Finally, may I be allowed to offer once again to Your Highness and to Your Highness the Seri Begawan my own deep appreciation for the many acts of personal consideration shown to me during the last 12 months. May I take this opportunity to reaffirm my sincere good wishes for Your Highness's happiness, and for the happiness of the Royal Family: Also for the happiness, well being and prosperity of all Your Highness's subjects.

Commemorative gold coins

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Currency Board this week announced the issue of a limited edition of proof quality \$1,000.00 gold coins in commemoration of the tenth anniversary of the coronation on 1st August, 1968 of His Highness the Sultan Sir Muda Hassanah Bolkih Muizzaddin Waddaulah.

Although the coins will be legal tender in Brunei they are primarily intended for collectors and will not therefore be put into circulation.

They have been specially minted by the Royal Mint, London and each coin is in a presentation box which also

contain a certificate of authenticity.

Each coin is 916.7 gold 83.3 copper in composition; 40 millimetres in diameter and 50 grammes — plus or minus 0.27 grammes — in weight.

The coins may be obtained only from the office of the Brunei Currency Board, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan on Mondays, Tuesdays, Wednesdays, Thursdays and Saturdays from 8.00 a.m. to 11.30 a.m. and from 2.00 p.m. to 3.30 p.m. commencing August 1.

The price of each coin is \$1,400.00

More than 100 babies take part in show

BUKIT BENDERA. — The Tutong District last Friday held a baby show at the Muda Hashim Secondary Malay School hall here as part of its programme to celebrate His Highness the Sultan's birthday.

The show organised jointly by the Birthday Celebrations Committee and the Tutong District Branch of the Brunei Women's Institute was divided into four sections.

A total of one hundred and eight babies ranging in ages from four to twenty-four months took part in the show.

In Section 'A' for babies aged from four to eight months, Nor Maslizah binte Ishak was first; Nor Sohana binte Sulong second and Mohammad Eddi Noor third.

Mohammad Suhif Isa won Section 'B' for babies aged



The winner of Section 'A' Dayang Nor Maslizah binte Ishak being crowned by Dayang Salmah, wife of the Tutong District Officer.

over eight to twelve months while second and third places went to Melvin Maduan and Nor Azlinawati binte Abdul Malik respectively.

In Section 'C' for babies aged over twelve to eighteen

months, first was Roslin binte Malai; second was Azman Latif Aziz and third was Mohammad Nazifi Kusnun.

In Section 'D' for babies aged over eighteen to twenty-four months, Hasmiwandi Has-

san was first; Mohammad Zailly Izan second and Hayatul Fadilah binte Zainuddin third. Prizes were presented by the wife of the Tutong District Officer, Dayang Salmah binte Morshidi.

ADAPUN iman itu mengambil peranan yang penting dalam membentok kehidupan manusia, baik dari segi gerak-geri, tingkahlaku, adab perangai, dan chara bergaul sesama manusia dan lain2-nya.

Perkara ini dapat kita rasakan, ia itu setiap ranchangan atau perbuatan yang kita lakukan tidak akan berjaya dengan baik-nya, andai-nya kita tidak mempunyai kesungguhan dan perchaya terhadap kerja2 yang kita lakukan itu, demikian juga kita tidak akan dapat membuat kerja2 amal ugama dengan sa-penoh2-nya, kalau sekira-nya kita tidak mempunyai iman yang kuat terhadap apa yang kita amalkan itu.

Oleh itu apa yang penting bagi orang Islam dalam melaksanakan semua ranchangan dan pekerjaan itu, mereka perlu-lah perchaya lebih dahulu akan kerja amal yang mereka lakukan itu.

Adapun iman itu menurut pengertian ialah keperchayaan yang melekat di-hati dan dibuktikan dengan amal perbuatan. Ini-lah yang di-katakan iman yang sa-benar yang di-anjorkan oleh ugama Islam, dan di-amalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda yang jujur lagi setia. Manakala iman yang

IMAN SEMPURNA KUNCHI K'JAYAAN

tidak di-sertai dengan perbuatan, bukan-lah ia iman yang sa-benar, malahan iman saperti ini hanya-lah di-namakan iman yang di-akui dengan mulut sahaja, dan iman yang demikian ini-lah selalu-nya mendatangkan perkara2 yang burok dan selalu menemui kegagalan dalam membentok kehidupan di-dunia, dan lebih2 lagi gagal di-akhirat.

Dalam membentok kehidupan di-dunia kita tidak-lah boleh hanya berserah bulat2 kapada akal fikiran kita tanpa di-timbal dengan keimanan yang sa-penoh-nya, kerana pekerjaan yang hanya semata2 berpandukan akal tanpa di-sertai dengan keimanan, maka pekerjaan itu akan menerima kegagalan, kerana akal ada kala-nya tergelincir dan tidak sampai sulohan-nya kapada banyak perkara ghaib, dan akal itu dalam perjuangan dengan hawa nafsu ada kala-nya tewas. Oleh itu ia perlu di-timbal dengan iman kapada Allah, dan kalau sekira-nya ia tidak di-timbal dengan keimanan, maka terba-

wa-lah manusia kapada runtunan nafsu.

Maka oleh kerana itu wahai kaum muslimin! Orang2 Islam perlu-lah beriman terlebih dahulu dalam melaksanakan perkara2 yang akan kita buat supaya kita tidak menemui sesuatu kebuntuan dalam melaksanakan perkara2 yang berkebakikan, dan juga kita perlu beriman dengan Allah dalam melaksanakan perkara2 yang di-suroh-Nya. Kerana iman yang sempurna itu ada-lah merupakan kunchi kejayaan dan kesempurnaan sesuatu yang

KHUTBAH JUMAAT



hendak di-lakukan sebagaimana di-jelaskan oleh Allah s.w.t. dengan firman-Nya didalam kitab suchi Al-Kor'an yang bermaksud:

"Sesungguh-nya manusia itu di-dalam kerugian dan kekechiwaan, melainkan orang2 yang telah beriman dan mengerjakan amal saleh dan yang memestikan satu sama lain dengan kebenaran dan sabar" (Sura Al'Asr).

Al-Kor'an ada-lah petunjuk dan ubat bagi orang2 beriman

PADA malam ini kita berkumpul beramai2 untuk mendengarkan bacaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh para peserta pertandingan perengkat negeri tahun 1978/1398. Ayat2 yang di-bacha dan di-perandingkan di-selarasakan dengan thema pertandingan "Sentiasa Mengingati Allah dengan Al-Kor'an.

Pada hakikat-nya kita berkumpul di-padang ini ada-lah untuk mendengar ayat2 Kor'an, Kalam-Allah di-bacha, dan di-tangan para hadirin maana ayat2 itu ada di-terangkan dengan kesimpulan2-nya sekali. Maka dengan thema ini erti-nya majlis ini adalah bertujuan untuk memperdengarkan chontoh2 perintah dan amaran Allah, ta'atkan hukuman Allah, supaya kita mendapat keredhaan-Nya dan terjauh daripada kemurkaan-Nya. Maka majlis ini sangat-lah mulia dan sepatut-nya be-

gini-lah sambutan kita umat Islam terhadap Al-Kor'an di-mana2 saja Al-Kor'an itu diperdengarkan dan di-fahamkan pengertiannya, bukan hanya setakat peraduan2 bahkan sa-tiap masa dan tempat, di-rumah2 di-masjid2, di-sekolah2 dan lain-nya. Al-Kor'an bagi orang2 Islam mengandungi dua unsur sebagaimana yang di-sukutkan dalam Surah Fussilat, sebahagian dari ayat 44 yang bermaksud;

"Katakan-lah Al-Kor'an itu bagi orang2 yang beriman ada-lah petunjuk dan ubat penawar, dan orang2 yang tiada beriman itu di-telinga mereka tuli dan mata mereka buta, mereka itu sa-bagai orang2 yang di-panggil dari tempat yang jauh."

Pengertian "Hudan" yang di-terangkan dalam ayat di-atas termaksud-lah bahawa Al-Kor'an itu menyeru, memandu, mengarah

Pulang dari Persidangan Islam Asia



YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail dan Awang Haji Abdul Aziz Juned.



WAKIL dari negara kita ka-Persidangan Islam Asia yang pertama telah pulang dari Karachi, Pakistan setelah menghadiri persidangan itu sa-lama tiga hari bermula pada 6hb hingga 8hb Julai yang baru lalu.

Mereka yang telah pulang dari persidangan itu ada-lah terdiri dari Yang Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei dan

Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan.

Menurut Awang Haji Abdul Aziz, bahawa banyak perkara2 besar mengenai umat Islam telah di-perbincangkan dalam persidangan tersebut. Adalah di-fahamkan, jika diizinkan Allah, beliau akan berusaha menulis mengenai kandungan persidangan itu bagi pengetahuan orang2 Islam di-negeri ini menerusi Pelita Brunei dalam keluaran2 akan datang.

PETIKAN sharahan khas dari Awg Haji Yahya bin Hj. Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dipertandingan membacha Al-Kor'an perengkat sa-negeri tahun 1978.

daripada mengubati-nya sesudah ia terjadi.

Penyakit yang dimaksudkan di-sini ialah penyakit manusia dengan kemanusiaannya, penyakit yang ada pada hati dan pemikiran manusia yang selalu di-kuasai oleh hawa nafsu dan godaan shaitan, yang menyebabkan timbul-nya akibat2 yang sangat merugikan manusia itu.

Al-Kor'an menyuruh kita membacha/chontoh2 tauladan hidup manusia dari zaman prasejarah hingga kapada masa Al-Kor'an di-turunkan supaya chontoh2 tauladan ini menimbulkan kesedaran kapada kita menjauhi dan menchegeh berlaku-nya wabak2 penyakit jiwa yang menimpa manusia di-zaman2 itu.

(Bersambung)

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Julai, 1978 hingga ka-hari Selasa 1hb Ogos, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
26hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
27hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
28hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
29hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
30hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
31hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
1hb	Ogos	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.


Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



GAMBAR atas kelihatan Awg Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran sedang menerima tabek hormat berjalan lalu dari pasokan2 yang mengambil bahagian sementara gambar bawah pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran yang turut menyaksikan persembahan tersebut.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak tujuh buah pasokan pancharagam dari tujuh buah sekolah menengah dan maktab seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam persembahan pancharagam sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-32 tahun.



Persembahan pancharagam sekolah2 sempena sambutan Keputeraan

Persembahan tersebut telah di-langsungkan di Padang Besar di-sini pada petang hari Khamis, 20hb Julai yang baru lalu.

Ia-nya telah di-mulai dengan berjalan lalu di hadapan pentas Diraja dalam mana Awang Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran Brunei telah menerima tabek hormat dari



DENGAN segak-nya penuntut perempuan itu memegang tongkat pasokan bagi mengarahkan anggota pasokan-nya bergerak ka-mana yang perlu.

pasokan2 pancharagam yang mengambil bahagian.

Persembahan pancharagam tersebut ada-lah merupakan kali pertama ia-nya di-adakan di-negeri ini atas anjoran Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran sejak beberapa buah dari sekolah2 menengah dan maktab2 seluruh negeri menubuhkan pasokan pancharagam masing2.

Kira2 5,000 orang pe-

nonton telah membanjiri kawasan padang bagi menyaksikan persembahan petang itu yang juga di-hadiri oleh pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran.

Sa-banyak 17 buah lagu telah di-mainkan oleh pasokan2 yang mengambil bahagian antara-nya lagu potong padi, joget burung nuri, trek-tek-tek, Hawaii Five O dan kampung nun jauh di-mata.

PELAJAR HARI INI DAN ESOK



KELIHATAN dalam gambar atas sa-buah lagi pasokan pancharagam yang mengambil bahagian sambil berjalan mereka memainkan lagu. Gambar sebelah kiri dan kanan ini juga memperlihatkan kecerdasan mereka memahami nota2 lagu2 yang mereka mainkan tidak sedikit pun mengganggu ator langkah barisan mereka. GAMBAR bawah memperlihatkan barisan pasokan2 yang mengambil bahagian sementara gambar bawah sekali dan bawah kanan sa-bahagian dari penonton2 yang beresak2 menyaksikan persembahan itu.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

RABU - 26HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Friday's Child"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 STAR TREK — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod kedua
7.53 AZAN ISHA
7.57 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJLIS PERBINCANGAN
9.00 BEWITCHED — "No Zip in My Zap"
Bekas kekasih Darrin di-sekolah mun-chol semula yang mana pada ketika itu Samantha kehilangan kuasa seher-nya.
9.30 SHOW OF THE WEEK : The Two Ronnies
Bersama2 berhibor dengan pertun-jokan dan cheloteh2 sa-lama 50 minit dari Ronnie Baxter dan Ronnie Cor-bett.
10.20 ACHARA KEMUNCHAK PEMBUKAAN GOLF BRITISH.
11.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 27HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Lucky"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 THE SECRET OF ISIS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON — Episod pertama (Bahagian Pertama)

- 7.53 AZAN ISHA
7.57 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "Naluri Manusia"
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 28HB. JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
5.30 HERE COMES MUMFIE — "Mumfie Does Some Spring Cleaning"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 THE MUPPETS
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HIBORAN MALAM INI
7.53 AZAN ISHA
7.57 HIBORAN MALAM INI — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "Going to Pot?"
9.30 THE WATER MARGIN — Episod ke-empat belas
Lin Chung chuba menyelamatkan Tai Tsung yang telah di-tawan oleh tiga orang tentera Kao Chiu.
10.20 MYSTERY MOVIE : McMillan "Have you heard about Vanessa"
11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 29HB. JULAI,

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.



GAMBAR : Paul Michael Glaser (kanan) sa-bagai Starsky dan David Soul sa-bagai Hutch. Mulai daripada minggu ini Starsky and Hutch akan di-tayangkan pada hari Sabtu jam 9.30 malam, dan The Feather and Father Ga ng pula pada hari Sabtu jam 7.15 malam.

- 6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Man From Nowhere"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FEATHER AND FATHER GANG — "The People's Choice"
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE FEATHER AND FATHER GANG — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 STARS ON ICE
9.30 STARKY AND HUTCH — "Survival"
10.20 GERMAN SOCCER
11.15 TAYANGAN MALAM SABTU : "Brook's Last Case"
12.45 SIARAN TAMAT.

AHAD - 30HB. JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
5.30 THE MAGIC BALL
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Atom Ant Meets Karate Ant"
6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "Waiting for Bolero"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BIONIC WOMAN — "Deadly Music"
7.53 AZAN ISHA
7.57 BIONIC WOMAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SURIA
9.15 WHEELS — Episod pertama
11.15 THAT'S HOLLYWOOD
11.45 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 31HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN

- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Wolves".
Anjing liar yang kelaparan mengancam keselamatan nyawa anak2 gadis Ingall dan sahabat mereka Andy Garvey sa-masa ketiadaan Caroline dan Charles.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.53 AZAN ISHA
7.57 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERIKANDI
9.00 ARENA SOKAN — Pesta Pantai Muara
9.45 HAWAII FIVE O
10.35 SURVIVORS — "Manhunt"
11.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 1HB. OGOS,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 SESAME STREET — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS — "The Naked Montague"
7.51 AZAN ISHA
7.55 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
9.00 ENTERTAINERS ON TOUR — Robert Blanco : Cuba.
9.30 BARETTA — "Double Image"
Dengan berpura2 bekerja di-limbong-an kapal untuk menyiasat beberapa pembunuhan yang ternyata bermaksud untuk menutup gudang di-pelabuhan, Baretta terlibat dengan sa-orang pelayan jelita.
10.20 DOKUMENTARI MELAYU : National Geographic
11.10 SIARAN TAMAT.



GAMBAR kelihatan Richard Anderson sa-bagai Oscar Goldman dan Lindsay Wagner sa-bagai Jaime Sommers, the Bionic Woman, dalam kesah "Deadly Music" minggu ini. Oscar Goldman memerikan sa-orang ejen OSI sa-bagai penyelam dasar laut untuk menyiasat bagaimana suatu kuasa musuh menghalang pihak kerajaan yang sedang membuat ujian alat pengesan kapal selam. Jaime di-amal untuk menjalani kursus sengkak menyelam, tetapi tatkala ia berada di-dasar laut, ia menyedari bahawa ia membawa alat yang di-ranchangkan untuk menarek perhatian ikan2 iyu yang berbahaya.

SILA BERITAHU KAMI ...

RTB ingin mengetahui:

SA-TIAP minggu RTB mengadakan siaran talivishen hampir 40 jam. Apa-kah pendapat awda mengenai ranchangan2 yang kami tanyangkan? Ada-kah awda menggemari ranchangan2 yang kami beli dari luar negeri? Ada-kah ranchangan2 yang kami buat di-sini mengenai Brunei menggembirakan awda? RTB menghargai pendapat2 awda mengenai ranchangan2 kami dan ingin mengetahui-nya dari awda sendiri. Jadi-nya, kami berharap awda akan dapat menjawab soalan2 yang berikut.

1. SIARAN BERITA

Ada-kah berita2 Luar Negeri
menchukopi? Ya/Tidak
Ada-kah berita2 Tempatan
menchukopi? Ya/Tidak
Ada-kah terdapat acara2 atau jenis2 makluman samada di-Brunei atau di-negeri2 luar yang mana pada masa ini tidak di-laporkan dalam siaran berita dan yang mana awda mahu supaya berita2 itu di-siarkan? (Mithalnya, ramalan2 chuacha, kadar2 pertukaran matawang, laporan2 pasaran setok). Berikan pendapat2 awda di-sini.

Pada masa ini kami menyiarkan siaran Berita dalam Bahasa Inggeris pada jam 7 malam dan Berita dalam Bahasa Melayu pada jam 8.15 malam. Ada-kah waktu ini sesuai? Ya/Tidak
Jika tidak, nyatakan waktu2 yang awda fikir

lebih sesuai
Ada-kah awda mahukan siaran pendek Rengakan Berita pada lewat malam? Ya/Tidak
Ada-kah awda menghadapi kesukaran untuk memahami Bahasa Melayu rasmi yang digunakan dalam siaran berita? Ya/Tidak
Patut-kah Pembaca2 Berita lelaki memakai jeket? Ya/Tidak
Apa-kah chadangan2 awda untuk membaiki siaran2 berita RTB?

2. RANCHANGAN2 HIBORAN BRUNEI

Nyatakan mengikut pilihan awda dengan menulis angka 1 bagi ranchangan yang paling awda gemari, angka 2 bagi ranchangan berikutnya yang awda gemari, dan seterusnya

Mutika



Pusparagam



Pusparagam
Mari Gembira Malam Ini
Suria
Mutika
Hiboran Malam Ini

3. ARENA SOKAN

Sa-jauh ini Arena Sokan telah menyiarkan acara2 perlawanan Bolasepak, Tinju, Polo, Gusti, Lumba Perahu, Hoki, Ragbi 7 sapa-sokan, Bola Keranjang, latehan permainan Badminton, Volleyball, Sepak Takraw, Sokan Sekolah2, Golf, dan Perlumbaan Grand Prix kereta dan motosikal.

Apa-kah sokan2 lain yang awda mahu supaya di-berikan liputan?

Sokan2 yang mana-kah yang awda mahu supaya di-berikan liputan yang lebih lengkap?

Ranchangan Arena Sokan yang mana-kah yang paling awda sukai?

Bagi sokan2 golf dan ragbi, Arena Sokan menyiarkan ulasan2 serentak dalam Bahasa Inggeris pada perkhidmatan radio Bahagian Inggeris.

Ada-kah awda mendengar siaran2 ini? Ya/Tidak

Apa-kah awda mahukan siaran2 Ulasan bahasa Inggeris di-siarkan lebih kerap lagi? Ya/Tidak

4. SOKAN LUAR NEGERI

RTB sentiasa chuba untuk meliputi acara2 sokan luar negeri yang penting seperti Piala Dunia, Wimbledon dan Golf.

Ada-kah terdapat sokan2 lain atau acara2 sokan di-luar Brunei yang awda mahu tonton di-RTB?

5. PERTUNJOKAN2 KUIZ

Nyatakan mengikut pilihan awda dengan menulis angka 1 bagi ranchangan yang paling awda gemari, angka 2 bagi ranchangan berikutnya yang awda gemari, dan seterusnya.

Suami Isteri
Panchaindera
Bistari

6. SERIKANDI

Sejak awal tahun ini Serikandi di-siarkan sa-kali dalam sa-minggu. Dari berpuluh2 ranchangan yang di-siarkan, bahagian mana-kah yang paling awda ingati?

Mari
gembira
minggu
ini



Serikandi di-siarkan pada jam 8.30 malam pada tiap2 hari Isnin. Ada-kah waktu ini sesuai atau ada-kah awda mahu supaya ia-nya di-siarkan pada jam 6.30 petang sebelum siaran Berita dalam Bahasa Inggeris? Sila berikan ulasan.

Bahagian memasak dalam ranchangan Serikandi ada-lah sangat2 popular dan beratus permintaan untuk mendapatkan resipi masakan mingguan di-terima sa-tiap minggu.

Ada-kah awda mahu supaya bahagian memasak dalam ranchangan Serikandi di-berikan lebih banyak masa? Ya/Tidak

Ada-kah awda mahu menonton ranchangan memasak selama 30 minit yang tetap dalam talivishen? Ya/Tidak

7. RANCHANGAN2 THRILLER LUAR NEGERI

Nyatakan mengikut pilihan awda dengan menulis angka 1 bagi ranchangan yang paling awda gemari, angka 2 bagi ranchangan berikutnya yang awda gemari dan sa-terus-nya.

Starsky and Hutch
Charlie's Angels
Hawaii Five O
Baretta
The Water Margin
Chips
Kojak

8. RANCHANGAN2 KOMIDI LUAR NEGERI

Nyatakan mengikut pilihan awda.
The Feather and Father
Gang
The Partridge Family
Bewitched
The Good Life
Are You Being Served
The Dick Emery Show

9. RANCHANGAN2 KANAK2

Nyatakan mengikut pilihan awda.
Saturday Children's Feature
Little House On The Prairie
Sesame Street
Star Trek
The Secret of Isis
Here's Mumfie
The Muppets
Big Blue Marble

10. DRAMA BERSIRI

Nyatakan mengikut pilihan awda.
Six Million Dollar Man
Bionic Woman
Man From Atlantis
High Chaparral
The Oregon Trail
Rich Man Poor Man
Poldark
Nancy Drew and The

INTISARI

- Hardy Boys
11. Apa-kah ranchangan tempatan yang awda mahu di-ulang siaran-nya?
12. Apa-kah ranchangan luar negeri yang awda mahu di-ulang siaran-nya?
13. Berapa jam-kah awda menonton talivishen RTB hitong panjang-nya setiap malam?
14. Jam berapa-kah awda tidur selalu-nya?
Hari2 Kerja
Penghujung Minggu
Ini hanya-lah sa-bahagian dari perkara2 yang ingin kami ketahui dari awda. Jika kami tinggalkan perkara2 yang awda ingin

KEGEMILANGAN BRU

PADA 1hb Ogos, 1978 yang di-beri t
genap-lah 10 tahun Keba- MILANGAN
wah Duli Yang Maha Mu- DARI BOLK
lia Paduka Seri Baginda DA BOLKI
Sultan dan Yang Dipertuan memperingati
Negeri Brunei di-puspakan. puspaan terse
Dan dalam detik yang ber- Dalam file
sejarah ini RTB akan me- akan menyin
nayangkan sa-buah filem sejarah keger

Tayangan gam malam Sabtu

RICHARD Widmark sa-bagai Brock, sa-o
New York yang handal, ia menunggu b
belum kembali bermastautin di-Ladang
California yang di-miliki-nya. Sa-mas
itu ia mengirim wang kepada Pengurus
untuk membaiki ladang-nya. Akhir-nya
ia ka-ladang-nya dan mendapati ladang-
kalai, dan tidak berapa lama sa-lepas keti
pengurus-nya menghadapi tuduhan memb
memujuk sa-orang peguam wanita yang
membela pekerja-nya itu dan memboku
pekerja-nya itu tidak bersalah. Brock m
nya kembali semula memegang peranan
orang detektif yang sedang mencari per
sa-benar-nya.



GAMBAR: Richard Widmark (kiri) dan Henr
membintangi tayangan gambar malam Sabtu
"Brock's Last Case".

26hb Julai, 1978.

GRAND PRIX BRUNEI '78



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkih kelihatan dalam gambar di-atas sedang di-perkenalkan kepada peserta2 perlumbaan yang menyertai Grand Prix Brunei yang lalu sa-jurus sa-telah Yang Teramat Mulia itu merasmikan perlumbaan tersebut pada pagi Ahad, 16hb Julai lalu. Sementara gambar sebelah kiri, Yang Teramat Mulia Pengiran Pemanha, Pengiran Muda Haji Mohammad Alam Shibol Rac' Wal-Mashuarah ketika menyampaikan hadiah2 kepada pemenang Grand Prix 1978, Del Schloemer dari Amerika Sharikat dan gambar bawah Yang Teramat Mulia ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang kedua Awang Osman Omar dari Brunei.




BERAKAS. — Lebih 80 orang pemandu kereta dan motosikal telah menyertai perlumbaan Grand Prix Brunei tahun ini yang bertempat di-landasan lapangan terbang lama di-sini pada hari Sabtu dan Ahad lepas.

Perlumbaan tersebut yang di-anjorkan oleh Persatuan Automobol Ametur Negeri Brunei telah turut di-sertai oleh Pelumba2 handalan dari luar negeri termasuk Singapura, Malaysia dan Amerika Sharikat.

Sa-banyak 14 acara perlumbaan telah di-pertandingkan termasuk dua acara perlumbaan bagi motosikal, satu perlumbaan kereta bagi orang2 kenamaan dan satu perlumbaan kereta bagi pelumba2 wanita yang juga merupakan pertama kali di-sertai oleh pelumba2 wanita.

Achra kemunchak bagi perlumbaan motosikal ialah motosikal yang bertenaga 2,000 c.c. ka-bawah dengan hadiah wang tunai \$3,000.00 bagi pemenang pertama, \$1,500.00 bagi pemenang kedua, \$1,000.00 bagi pemenang ketiga dan \$500.00 bagi pemenang keempat.

Manakala achra kemunchak bagi perlumbaan kereta supersaloon yang bertenaga di-bawah 5,000 c.c. dengan hadiah2 pertama wang tunai \$7,000.00 dan tiket penerbangan ka-Auckland dari SIA, kedua wang tunai \$4,000.00 dan



tiket penerbangan ka-Taipeh dari SIA, ketiga wang tunai \$2,000.00 dan tiket penerbangan ka-Bangkok dari SIA, keempat wang tunai \$1,000.00 berserta sa-buah piala dan kelima wang tunai \$500.00 berserta sa-buah piala.

BEGINI-LAH keadaan-nya perlumbaan yang hebat dan penuh ketangkasan dari kedua2 pemandu dari Brunei (kereta 123 — Datsun 120Y) dan dari Amerika Sharikat (kereta 98 — Chevrolet Camaro) berkejar2 dan atas mengatasi antara satu sama lain di-sepanjang perlumbaan sa-jauh 100 batu dalam 50 pusingan itu di-jalankan, bagaimana pun oleh kerana pengalaman yang luas dalam perlumbaan antarabangsa ada pada Del Schloemer, kejohanan Grand Prix Brunei 1978 telah dapat di-rebut-nya dari Awang Osman, johan tahun lalu. Gambar bawah sa-bahagian dari penonton2 yang menyaksikan perlumbaan yang telah langsung sa-lama dua hari itu.



GAMBAR sa-belah atas, barisan pelumba2 yang menyertai perlumbaan Grand Prix Brunei 1978 manakala gambar atas tengah sa-bahagian lagi dari penonton2 yang menyaksikan perlumbaan yang sungguh hebat itu yang juga kedudukan mereka tidak kurang hebat-nya sekali pun bertenger di-atas longgokan apa saja asalkan dapat menyaksikan perlumbaan dan gambar sebelah kiri perlumbaan motosikal sedang di-jalankan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat untuk menerima dan membalas tabek hormat dari pasukan2 yang mengambil bahagian dalam upacara perbarisan hari Keputeraan Baginda yang ke-32 tahun yang jatuh pada hari Sabtu, 15hb Julai yang baru lalu.

Upacara perbarisan bagi mengalu2kan hari puja usia Baginda yang sering di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan itu telah di-ambil bahagian oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasukan Ketujuh Askar Gurkha Rifle dan beberapa buah pasukan awam yang beruniform di-samping iringan permainan pancharagam dari gabungan tiga buah pasukan bersenjata itu.

Keberangkatan tiba Baginda di-upacara tersebut telah di-sambut dengan iringan lagu Kebangsaan Negeri Brunei 'ALLAH PELIHARAKAN SULTAN' yang kemudian-nya Baginda telah di-junjung oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan, YDM, Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Hussin bin Haji Sulaiman untuk memereksa perbarisan.

Sa-lepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia sekali lagi telah menerima dan membalas tabek hormat dari pasukan2 yang mengambil bahagian ketika mana perbarisan berjalan lalu bergerak di-hadapan pentas Diraja yang juga mengarak Panji2 Pasokan.

Turut memeriahkan upacara perbarisan hari itu ialah tembakan meriam sa-banyak 21 das dan barisan terbang lalu oleh beberapa buah pesawat

helikopter dan sa-buah kapal terbang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang melintasi ruang udara perbarisan dengan semboran yang berwarna-warni.

Di-samping beribu2 rayat dan penduduk yang berbondong di-bawah Panji2 Kerajaan Baginda datang berarak2 membanjiri kawasan di-mana upacara di-langsungkan, raayat dan penduduk di-seluruh pelusok tanah ayer telah juga sempat menyaksikan upacara yang penuh kegembiraan itu menerusi siaran terus menerusi Radio dan Talivishen Brunei.

Raja berdaulat, negara aman dan raayat makmor telah meletakkan Negara Brunei Darussalam kita yang terchinta ini sentiasa berbondong dalam keadaan sejahtera dan penuh kebahagiaan.

Perbarisan hari itu telah di-akhiri dengan sorak 'DAULAT TUANKU' sa-banyak tiga kali oleh pasukan2 yang mengambil bahagian.



KELIHATAN D.Y.M.M. sedang mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (SPMB) kepada YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.



GAMBAR atas sekali, Kebawah DYMM sedang memereksa perbarisan kehormatan dari pasukan2 bersenjata Gurkha Rifle, Pulis Diraja Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei, semem- kopter Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang turut me- lalu di-ruang udara Bandar Seri Begawan dengan mengeluar- serta bawah, barisan pasukan beruniform dari Kadet Askar Melayu Diraja Brunei dan Gurkha Rifle sedang berjalan lalu di-hadapan pentas Diraja.



TUAN Yang Terutama Perutusan Tinggi British, Awang J. A. Davidson ketika menyempurnakan upacara pengurnian Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (SPMB) kepada YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.

SEKITAR PERAYAAN HARI KEPUTERAAN KE-32




SA-BAGAI wakil Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Zainal bin Haji Momin sedang menyembahkan sembah ucapan ke-shukoran yang tidak di-bacha ka-hadapan majlis Kebawah DYMM di-istiadat mengadap dan mengurniakan bintang2 dan pingat2 di-Lapau (gambar atas). Gambar sebelah, kelihatan Baginda sedang berbaris dengan anggota2 pasukan AMDB di-Istiadat Santapan Diraja bagi anggota2 pasukan bersenjata dan beruniform.



KEBAWAH D.Y.M.M. ber- serta kerabat2 Diraja kelihatan asheh menyaksikan sesuatu da- lam acara pertandingan silat dan kuntau perengkat sa- negeri di-Istana Darul Hana (gambar sebelah kiri), mana- kala gambar atas, Baginda ser- ta kerabat2 Diraja ketika mengadhi istiadat santapan Diraja. Kelihatan gambar2 se- belah kanan dan bawah, Bagin- da sedang di-iarahi oleh ang- gota2 pasukan beruniform dari pandu puteri, palang merah dan bomba.

Johan silat dan kuntau



Perarakan tanglong dan kereta berhias



GAMBAR atas salah sa-buah kereta berhias yang mengambil bahagian dalam perarakan tanglong berjalan kaki dan kereta basikal berhias, manakala gambar bawah pasokan Pulis Kadet Diraja Brunei sedang berjalan dengan segak-nya bersama kepala perarakan mereka. Gambar bawah tengah, kereta berhias yang menyertai perarakan pada sebelah petang Ahad di-samping kumpulan pakaian beragam yang kelihatan dalam gambar bawah sekali.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 70 buah pasokan yang terdiri dari murid2 sekolah, penuntut2 sekolah menengah dan maktab, belia2, badan2 kebajikan dan pejabat2 Kerajaan telah menyertai perarakan tanglong jalan kaki dan kereta basikal berhias sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-32 tahun.

Perarakan tersebut yang berlangsung pada malam Ahad, 16hb Julai telah bermula dari padang Jalan Ong Sum Ping dan berakhir di-Padang Besar di-sini.

Dalam perarakan itu yang turut di-saksikan oleh lebih 10,000 orang raayat dan penduduk di-Daerah Brunei dan Muara yang berdiri di-sepanjang jalan yang di-lalui oleh pasokan2 yang mengambil bahagian telah di-sertai juga oleh pasokan pancharagam Pulis Diraja Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei.

Terdahulu dari itu di-sa-belah petang-nya perarakan kereta dan basikal berhias dan pakaian beragam telah juga di-langsungkan yang bermula dari Istana Darul Hana dan berakhir di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

Sepanjang perarakan tanglong berjalan kaki dan

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Sultan, D.Y.M.M. Paduka Seri Isteri serta kerabat2 Diraja berdiri tegak ketika lagu Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Askar Melayu Diraja Brunei berangkat tiba Baginda dan Padang Besar untuk menyak tanglong berjalan kaki dan berhias di-langsungkan (gambar dan kerabat Diraja ada-lah an yat jelata yang turut menyak itu yang juga di-hadhiri oleh p



kereta basikal berhias di-langsungkan, satu pertunjukan bunga api telah juga di-jalankan berdekatan dengan Padang Besar yang kemudian-nya beberapa pertunjukan pentas dari sekolah2 dan maktab2 serta persembahan antara-bangsa telah meneruskan perayaan.

LAGI sa-buah kepala perarakan tanglong berjalan kaki sedang di-usong dalam perarakan tersebut yang berupa-bentuk sa-ekor burung merak (atas) dan bawah, kumpulan orang ramai yang berasak2 di-sepanjang tepi jalan yang di-lalui oleh perarakan kereta basikal berhias.





KEPUTUSAN APA PENDAPAT PUAN BHG. KEDUA

SA-BAGAIMANA yang puan2 telah maklom tajok "Apa Pendapat Puan" bahagian yang kedua telah pun kami siarkan dalam ranchangan Serikandi minggu lalu. Di-sini kami muatkan pendapat2 yang telah berjaya bagi tajok soalan kita "Wanita dan Perbelanjaan."

DALAM SERIKANDI

Hadiah Pertama: Da-yang Masniah bte Zainal, Jabatan Kerja Raya, Bahagian Pembinaan, Bandar Seri Begawan.

WANITA mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan sa-hari2, terutama ketika berbelanja. Penggunaan sa-bahagian atau kesemua pendapatan yang ada pada seseorang dalam mendapatkan sa-satu barang ada-lah difahamkan sa-bagai perbelanjaan. Kuasa beli sa-seseorang itu ada-lah bergantung kepada kuantiti pendapatan yang ada pada-nya.

Oleh kerana peranan wanita dalam perbelanjaan itu sa-olah2 suatu yang mesti, jadi kaum wanita dewasa ini sering mengalami pengaruh yang besar terhadap aktiviti2 penggunaan serta selalu terdedah kepada pengaruh2 iklan dan selera.

Biasa-nya kunchi kira2 ru-

mah-tangga ada-lah di-tangan wanita. Dari itu wanita hendak-lah harus tahu berbelanja dengan betul dan sesuai dengan pendapatan yang ada, bagi meninggikan taraf hidup dan menjaga budget rumah-tangga untuk keluarga.

Bagi suri2 rumah-tangga, umpama-nya, harus-lah pandai berekonomi dalam menguruskan rumah-tangga masing2. Mereka sa-mesti-nya tidak boros dan membazirkan wang kepada benda2 yang tidak perlu. Umpama-nya, jika terdapat perabot2 rumah yang lama yang maseh elok, benda2 itu tidak-lah perlu di-ganti baru.

Bagi wanita2 yang bekerja di-pejabat2 pula, mereka tidak-lah perlu membeli pakaian serba baru yang berlebihan untuk di-bawa ka-pejabat, kerana chara begitu membazir nama-nya. Pandai menggunakan wang ada-lah juga merupakan kehalusan dan ketinggian budi bagi kaum wanita.

Dari itu kesedaran kaum wanita ada-lah perlu dalam menolong menstabilkan ekonomi rumah-tangga. Kaum wanita yang pandai berjinjit ketika berbelanja akan dapat mengujudkan keharmonian hidup dalam rumah-tangga-nya. Dan juga sifat berjinjit ini ada-lah salah satu sifat yang baik dan patut di-puji.

Hadiah Kedua: Dayang Hajjah Sainah bte Yusof, 33-A Kampong Madewa, Brunei.

Kelemahan dan kekuatan sa-seseorang wanita terletak pada kekuatan hati dan fikiran-nya. Memang tidak dapat di-sangkal wanita punya kebolehan dan kemampuan yang istimewa terutama dalam bidang tanggung-jawab berkeluarga. Peranan wanita dalam mengendalikan urusan perbelanjaan amat penting sa-bagaimana penting-nya kekokohan ekonomi dalam keluarga, wanita-lah sa-bagai pemegang chandek keharmonian sa-sebuah rumah-tangga.

Wanita atau suri rumah-tangga ada-lah sa-bagai Menteri Kewangan dalam sa-sebuah keluarga. Wanita bertanggung-jawab mentadbir dan mengelolakan semua perbelanjaan. Kucharak-kachir sa-sebuah rumah-tangga ada-lah

berpuncha dari lemah dan lalai-nya pentadbiran sa-orang suri rumah-tangga. Wanita wajar bertanggung-jawab menguruskan perbelanjaan barang2 dapur, pakaian anak2, perbelanjaan harian dan serba-serbi perbelanjaan keluarga. Berjinjit, mengator dan menchatu perbelanjaan bulanan mengikut sumbu pendapatan suami ada-lah penting di-ketahui oleh sa-orang suri, di-samping mustahak mengetahui harga barang2 di-pasar, kedai dan kadar banyak barang yang sa-patut-nya di-sediakan untuk keluarga.

Perkataan 'BESAR PERIODIK BESAR KARAK-NYA' tidak ada dalam kamus sa-orang suri rumah-tangga yang bijak kerana ungkapan tersebut akan menggalakan perbuatan BOROS atau 'BESAR PASAK DARI TIANG'.

Suatu penyakit yang selalu merosakkan ekonomi rumah-tangga ia-lah wanita yang chenderong BERHUTANG. Lebeh bahaya penyakit tersebut jika hutang2 itu di-sorokkan dari pengetahuan suami. Denean tidak mengira berapa pendapatan suami, si-wanita itu akan berhutang mengikut arahan nafsu, hati dan didorong pula oleh keinginan terutama berhutang perkara2 yang kurang berfaedah seperti pakaian dan barang2 perhiasan yang mahal.

Berbelanja seperti itu bukanlah di-tegah langsung, malah memang perlu bagi sa-orang wanita. Tetapi ada-lah lebeh elok jika ia-nya di-lakukan mengikut masa tertentu dan dengan wang tunai membeli belah bersama suami. Membeli tunai memang menguntungkan, di-samping dapat harga murah, dan pilihan barang2 bermutu, kita juga boleh mengukir kiraan perbelanjaan bulanan.

Oleh sebab peranan wanita dalam perbelanjaan amat penting dan menjadi tanggung-jawab sa-tiap wanita, maka sama2-lah kita menunaikan tanggung-jawab itu sa-belum keperchayaan terhadap wanita akan terjejas.

Hadiah Ketiga: Dayang Hamadah bte Md Said, 65 Kampong Sungai Kedayan A, Bandar Seri Begawan.

Hidup mewah ada-lah impian sa-tiap wanita. Kerana dengan kemewahan itu dapat membeli apa saja yang mereka mahu. Tetapi tidak semua orang menjangkau hasrat tersebut.

Lantaran itu terdapat berbagai golongan wanita. Ada yang kaya atau mewah dan ada pula yang sederhana hidup-nya. Bertolak dari sini sudah tentu chara berbelanja itu berlainan menurut kemampuan masing2. Dalam pada itu juga yang tidak tahu menyesuaikan keadaan-nya dan menyebabkan hutang sana-sini.

Wanita kaya atau mewah ini tentu mampu membeli perhiasan2 badan yang mahal seperti intan berlian. Pakaian pula dari kain2 yang bermutu dan tidak kurang pula yang di-beli di-luar negeri. Di-majlis2 memakai pakaian2 yang tidak akan menyamai terdapat juga mereka yang tidak mementingkan kebenda-

an. Wanita yang sederhana tentu-lah berbelanja dengan sederhana juga. Tetapi berlainan dengan wanita yang sudah berkerja.

Wanita2 bujang yang sudah berkerja akan berbelanja lebeh terhadap pakaian dan feshen2 terbaharu. Sa-tengah2 pakaian mereka tiga atau empat kali pakai sudah tidak berguna lagi. Ini sudah tentu membazir.

Dalam pada itu terdapat juga wanita sederhana yang mempunyai kesedaran membantu ibu-bapa-nya. Mithal-nya membantu membuat atau memperbaiki rumah, berbelanja dengan sederhana dan menyimpan pendapatan-nya bakal di-gunakan di-hari kahwin atau sa-bagai-nya yang perlu.

Wanita2 yang baik ada-lah wanita2 yang sudah berumah-tangga yang tahu mengator perbelanjaan harian-nya menurut pendapatan suami-nya malah dapat pula menyimpan-nya.

SERIKANDI di-sekitar PERAYAAN

UNTOK mengikuti kegiatan dan peranan wanita di-sekitar Perayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-32 tahun, Serikandi telah membuat liputan2 penggambaran mengenai dengan kegiatan2 ini. Dalam ranchangan minggu ini para wanita sekalian akan berkesempatan menyaksikan berbagai2 acara antara lain ia-lah:

1. Peraduan Rumah Tangga anjoran Persatuan Pertiwi.
2. Pameran Bunga2 Hidup anjoran Perkumpulan Wanita Brunei, bertempat di-Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan.
3. Peraduan Urusan Rumah Tangga anjoran Persatuan Pertiwi chawangan Temburong, bertempat di-Temburong.
4. Peraduan Urusan Rumah Tangga anjoran Persatuan Pertiwi chawangan Pekan Muara, bertempat di-dewan Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara.
5. Peraduan Kanak2 sehat anjoran Perkumpulan Wanita chawangan Tutong bertempat di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, dan
6. Temu-ramah wakil Serikandi dengan peme-nang Lumba Kereta Wanita.

Jangan lupa mengikuti ranchangan Serikandi pada hari Isnin depan jam 8.30 malam.

RI BOLKIAH KPD. BOLKIAH

zaman pemerentahan Sultan Bolkiah yang memerintah Brunei dari Tahun Masehi 1473 hingga 1521. Dalam zaman pemerentahan Baginda, Brunei mengorak langkah menuju ka-zaman kemajuan.

Kesan2 makam yang telah pun di-usai dengan begitu indah, kesan2 sekunir dan 'Kapada Asap' yang di-tenun dengan benang emas chiptaan Tukang Tenun Brunei apabila mereka melukis Ajong Sultan Bolkiah yang melambangkan

Mahligai Kenaikan Diraja akan dapat kita saksikan dalam filem ini.

Zaman keagongan dan keemasan dalam pemerentahan Sultan Bolkiah ia-itu Sultan Brunei yang kelima dapat kita nekmati semula dalam pemerentahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Walaupun Baginda baru saja memerintah Negeri Brunei dalam jangka waktu yang pendek tetapi kerana perhatian berat Baginda terhadap kebajikan dan kepentingan rakyat, Negeri Brunei menchapai kemajuan di-berbagai bidang, seperti dalam bidang pelajaran, ekonomi, sosial dan sa-bagai-nya. Tidak-lah shak lagi bahawa di-zaman pemerentahan Baginda, Brunei menuju kembali ka-arrah zaman kegemilangan yang pernah kita chapai di-zaman Sultan Bolkiah Tahun Masehi 1473 hingga 1421.

Di-samping itu awda penonton akan dapat menyaksikan Perpuspaan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika menjadi Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam.

Di-akhir ranchangan ini kita akan dapat sama2 menyaksikan sejarah rengkas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, hari perpuspaan serta filem pembangunan Negeri Brunei dalam pemerentahan Baginda dari tahun 1968 hingga 1978. Awda penonton akan dapat menyaksikan tayangan filem ini pada hari Selasa, 1hb Ogos, 1978 malam.

Sekitar liputan dan siaran RTB



GAMBAR di-atas menunjukkan Pegawai2 Ranchangan Radio dan juga juruteknik2 Radio yang membuat laporan dan ulasan di-istiadat2 Perbarisan dan Mengadap di-Lapau.

Dari kiri kelihatan Pengiran Seruddin Pg. Lampong (memandang ka-bawah, Awang Bungsu Rendah dari Bahagian Teknik, Awang Zainal Mohd. Yusof, Awang Mohd. Noor Yassin (di-tengah), Awang Abdul Halim Mohd. Hashim dan Awang Emran Mohd. Yusof (Pegawai2 Ranchangan Radio).



GAMBAR menunjukkan Ketua Jurugambar TV Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Dato Penglima Awang Haji Abu Bakar (di-kiri sekali) bersama2 dengan Awang Mohd. Noor Muhammad dan Awang Emran Mohd. Yusof (di-tengah2) sa-masa menaik motorbot menuju ka-Pekan Bangar, Temburong, untuk mengikuti istiadat perbarisan di-sana.

Sayang Adekku Sayang

GULA ada-lah keperluan kita sa-hari2. Buat kopi—kalau mau manis mesti taroh gula; begitu juga dengan minuman2 yang lain. Kita semua tahu akan bentuk dan rupa gula; tapi tahu-kah kita bagaimana gula di-buat? SAS minggu ini akan membawa adek2 mengembara untuk meninjau ladang2 tebu dan kilang membuat gula di-Filipina.

Mau chuba menanam sayur2an seperti lada, tomato dan kubis di-dalam rumah? Kalau rajin dan mau menchuba-nya, ikutilah chara2-nya dalam sudut KEBUN ADEK2. Pasti menarek.

Kita juga akan dapat berkenalan dengan lebeh dekat lagi dengan sa-orang adek yang istimewa. Nak tahu siapa dia? Tak boleh bilang sekarang. Kalau mahu tahu, saksikan-lah ranchangan SAS minggu ini.

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini;

APA PILEHAN AWDA

DAYANG Siti Arinah binte Ibrahim, No. 16, Kampong Pengiran Kerma Indera, Bandar Seri Begawan mendapat giliran memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini. Lagu2 pilihan Dayang Arinah akan dapat di-dengar pada hari Jumaat, 28hb Julai, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.



7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). T/HARI: 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilihan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentary Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 —

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dataline; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Tajul Ahmad Calling On You. NOON: 12.00 —

AHAD

Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terimalah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang

antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspaparam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Down Payment On Death" episode 2, The Double Target by Jim Eldridge; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A dated with; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel. NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — "Doors To Opportunity" by Ja'afar Yakup (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Veronica Shim; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad. NOON: 12.00 — Top of The Pops. PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Answers — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 —

Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — The Sixth Form Calling (repeat). P.M.: 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Evelyn Samuel; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity by Ja'afar Yaakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Answers (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five "There's Love and Love" by Alex Barber; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring 5th Anniversary Special Side 1; 8.30 — Forum by Vivivanti Ali; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.

2 ACHARA MENAREK LUMBA KERETA GRAND PRIX BRUNEI TAHUN INI

BERAKAS. — Dua acara yang menarik dan merupakan acara baharu dalam perlumbaan kereta Grand Prix Brunei tahun 1978 ini, iaitu Lumba GP Motosikal dan Lumba Kereta

Bahagian Wanita.

GP Motosikal telah dimenangi oleh Awang Gerry Looi dari Singapura; sementara lumba kereta bahagian wanita di-menangi oleh Dayang Rosnah Udek

(Brunei).

Lumba kereta GP Brunei tahun 1978 telah di-menangi oleh Del Schloemer USA (dari Singapura), tempat kedua di-menangi oleh Awang Osman Omar (Bru-

nei) dan ketiga Awang Kenny Lee (Kuala Lumpur, Malaysia).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, yang juga sa-laku Penaong Perlumbaan Kereta Brunei 1978, telah merasmikan perlumbaan tersebut.

Perlumbaan bermula pada 15hb Julai petang dan 16hb Julai dari pagi hingga petang. Kemunchak pertandingan ia-lah sa-banyak 50 pusingan; merupakan acara antarabangsa GP Brunei 1978, yang telah di-menangi oleh Awang Del Schloemer, yang telah menerima piala rebutan kornia Kebawah DYMM.

Pemenang2 dan peserta2 dalam perlumbaan kereta itu telah menerima hadiah2 kemenangan dan kenang2-an bertempat di-Hotel Ang di-sebelah malam 16hb Julai dan di-ikuti dengan makan berserak.



YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad 'Alam, sa-laku wakil peribadi Kebawah DYMM, sedang menyampaikan piala rebutan Baginda di-upacara penyampaian piala dan hadiah2 kepada peserta yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan kereta tahun ini yang telah di-adakan di-Hotel Ang, Bandar Seri Begawan.

Lumba Basikal

BANDAR SERI BEGAWAN.—Persatuan Lumba Basikal Amatir Brunei akan menganjurkan perlumbaan basikal jarak jauh, iaitu dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan; sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-32 tahun.

Perlumbaan tersebut dijadualkan akan di-langsungkan pada 30hb Julai, 1978, mulai jam 6.30 pagi bertolak dari Kuala Belait dan berakhir di-depan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



PERADUAN AKHIR SILAT-KUNTAU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan akhir silat dan kuntau peringkat sa-negeri, kemunchak bagi salah satu acara perayaan untuk menyambut hari ulang tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ka-32 tahun telah berlangsung di-Perkarangan Istana Darul Hana di-sini Sabtu lalu.

Berangkat berchemar Duli untuk sama2 menyaksikan peraduan tersebut ia-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir dan Kerabat2 Diraja. Juga hadir ia-lah T.Y.T. Pesurohaya Tinggi British di-Brunei dan lain2 pembesar2 negara.

PEMENANG

Bahagian silat dalam pe-

raduan itu telah di-menangi oleh wakil dari daerah Tutong, Capt Pengiran Hj Jaluddin bin Pg Mustapha manakala tempat kedua ia-lah dari daerah Brunei/Muara, Awang Laki bin Haji Md Zain dan mendapat tempat ketiga pula ia-lah wakil dari daerah Belait, Awang Ibrahim bin Tahir.

Sementara itu dalam ba-

hagian kuntau pula, Awang Haji Suhaili bin Haji Abu Bakar dari daerah Brunei/Muara telah berjaya menjadi johan. Tempat kedua di-menangi oleh Awang Abd Rahman bin Haji Timbang dari daerah Belait manakala Awang Suhaili bin Ahmad wakil dari daerah Tutong telah mendapat

tempat ketiga.

Daerah Temburong tidak menghantar wakil-nya ka-peraduan itu pada tahun ini. Hadiah2 kemenangan dan Perisai2 Rebutan telah di-sampaikan oleh T.Y.T. Pesurohaya Tinggi British, Awang J.A. Davidson di-akhir peraduan.



KELIHATAN Cpt. Pengiran Haji Jaluddin bin Pengiran Mustapha sa-laku Johan Silat, sedang bersilat yang telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana, yang baru lalu.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, sedang di-perkenalkan kepada peserta lelaki (atas) manakala gambar bawah menunjokkan YTM itu di-perkenalkan kepada peserta wanita, sa-jurus sa-telah YTM itu merasmikan perlumbaan tersebut. YTM juga ada-lah sa-laku Penaong Perlumbaan Kereta Grand Prix Brunei 1978.



Perlawanan badminton belia kali kedua

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Badminton Belia kali ke-2 anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah di-jalankan sejak 4hb Jun, 1978 yang lalu. Semua perlawanan2 tersebut di-adakan di-Pusat Belia sini.

Pelita Brunei di-fahamkan sa-banyak 3 jenis perlawanan telah selasai di-jalankan (hingga ka-sepuluh akhir); dan sekarang menunggu masa bagi perlawanan akhir. Sementara itu perlawanan bergu lelaki telah di-jalankan dan di-sambong pada hari Ahad jam 4.30 petang bersamaan 23hb Julai lalu.

Dalam perlawanan perseorangan lelaki, Awang Wahab akan bertemu dengan Metuddin Metassan di-perlawanan akhir nanti; sementara Dayang Mariani Haji Morni akan bertemu dengan Dayang Lily Kula dalam perseorangan wanita.

Perlawanan bergu wanita pula Dayang Mariani bersama pasangan-nya Da-

yangku Mariyamamah, akan bertemu dengan Dayang Zalarin Haji Abdullah dengan pasangan-nya Dayang Lily Kula. Perlawanan akhir itu akan di-adakan minggu depan atau awal bulan Ogos depan.

Menurut juruchakap perlawanan bahawa tujuan mengadakan perlawanan itu antara lain ia-lah bagi mendapatkan pemain2 yang bukan saja mempunyai bakat malahan mempunyai harapan yang baik sa-bagai pemain badminton yang dapat di-harap2kan oleh negeri ini pada masa2 akan datang.

Sa-telah selesai perlawanan badminton peringkat kedua pula, mana2 pemain2 yang berjaya dan pemain2 yang boieh diambil akan di-lateh oleh sa-orang Jurulatih Badminton. Dengan ada-nya latehan khas itu maka akan dapat-lah negeri ini memilih pemain2 kebangsaan-nya nanti untuk memasuki ka-perlawanan2 peringkat antarabangsa, jelas-nya lagi.

PUSAT LATEHAN JOHAN TENNIS ANTARA UNIT

DALAM perlawanan akhir tennis antara unit2 dalam AMDB yang telah di-adakan pada hari Isnin, 19hb Julai lalu, Pasukan Pusat Latehan telah berjaya mengalahkan Battalion Pertama dengan kiraan mata 4-0.

Perlawanan itu telah dilangsungkan di-gelanggang tennis Perkhemahan Berakas dan berjalan lebih 2 jam bagi empat perlawanan, tiga perlawanan bergu dan satu perlawanan sahaja bagi perseorangan dapat di-jalankan.

Dalam perlawanan pertama pemain Pusat Latehan, Hughe dan Roscoe telah berjaya mengalahkan Hayes dan Pg. Tajuddin dari Battalion Pertama dengan mata 6-0 dan 6-2.


Manakala dalam perlawanan kedua bergu, Johari dan Pg. Tajuddin dari Pu-

sat Latehan juga berjaya mengalahkan PDB. Sari dan Ak. Hassan dari Battalion pertama dengan mata 6-0 dan 6-3.

Perlawanan ketiga bergu, Hope Gregory dan Keelan dari Battalion Pertama telah di-tewaskan oleh Pehin DINDP. Lt. Kol. Ariffin dan Kapitan Yahya dari Pusat Latehan dengan ma-

ta 6-4, 5-7 dan 2-0. Dan bagi perlawanan perseorangan Hayes dari Pusat Latehan mengalahkan pemain dari Battalion Pertama.

Penyampaian hadiah2 telah di-lakukan oleh Lt. Kol. RA. Preddy, Pegawai Turus AM Satu yang juga Yang Dipertua Badan Sukan AMDB.



YDM. Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt. Kol. Ariffin sedang menerima oskar rebutan tennis antara unit2 AMDB dari Lt. Kol R. A. Preddy.



BARISAN pemain2 dari Pusat Latehan yang berjaya mengondol oskar rebutan tennis sa-telah mengalahkan Battalion Pertama bagi tahun 1978.



Kapitan Mahmud

AJUTAN PUSAT LATEHAN

KAPTAN Mahmud bin Haji Yakub sa-orang pegawai kanan Askar Melayu Diraja Brunei yang bertugas di-Pusat Latehan AMDB, Bolkliah Kem telah mula memegang jawatan baru-nya sa-bagai Ajutan Pusat Latehan AMDB mulai pada 4hb Julai, 1978 yang baru lalu.

Beliau yang berusia 25 tahun telah mula mencheborkan diri dalam perkhidmatan Pasukan AMDB dalam usia 17½ tahun pada 25hb Januari, 1971 sa-bagai rekrut Pegawai Kadet AMDB dan menamatkan latihan-nya pada 5hb Julai 1971.

Sa-lepas dari rekrut, Kapitan Mahmud telah melanjutkan pengetahuan ketenteraan-nya ka-United Kingdom pada 1hb November, 1971 sa-hingga tamat pada 13hb Mei, 1972 di-Sekolah Pegawai Kadet Morns, Aldershot, UK.

Sa-kembali beliau ka-tanah ayer, Kapitan Mahmud telah di-tugaskan di-'D' Kompeni Battalion Pertama sa-bagai Pegawai Pemerintah Platon yang juga bertanggung-jawab menjalankan beberapa kursus termasuk beberapa kursus luar negeri seperti di-Singapura, UK dan Hong Kong.

Kapitan Mahmud yang mendapat pendidikan sekolah di-SM. Sinaut dan Maktab Anthony Abell, Seria sa-hingga tingkatan Lima telah di-lantek ka-jawatan Ketua Jurulatih di-Pusat Latehan AMDB pada 10hb November, 1975 sa-belum beliau di-naikkan pangkat sa-bagai Ajutan Pusat latehan bagi menggantikan Kapitan Yahya bin Haji Abdi Manaf yang bertukar ka-Battalion Pertama.

Berjaya dalam

'menchari dan menyelamat'

JUGA salah sa-orang anggota dalam Chawangan Udara AMDB yang merupakan anggota pasukan AMDB yang pertama berjaya menjalani kursus 'Menchari dan Menyelamat' (Search and Rescue) di-United Kingdom ia-lah Sgt. Saidi bin Osman.

Beliau telah memasuki perkhidmatan pasukan AMDB dalam bulan Januari, 1970 hingga Jun 1970 sa-bagai sa-orang rekrut. Dan sa-lepas itu Sgt. Saidi telah di-tempatkan sa-bagai sa-orang kerani di-Markas Pasukan AMDB di-Perkhemahan Berakas.

Dari sini Sgt. Saidi telah beralah ka-Chawangan Udara pada 25hb Ogos, 1973 yang mana sejak dari tarikh itu sa-hingga Oktober, 1977 beliau telah di-hantar ka-United Kingdom sa-bagai sa-orang yang pertama dari AMDB mengikuti kursus 'Menchari dan Menyelamat' bertempat di-Angkatan Udara Diraja, North Wales.

PERKHIDMATAN



Sa-lama menjalani kursus 7½ bulan di-UK itu, Sgt. Saidi sa-akan2 tidak terdaya lagi untuk meneruskan kursus yang beliau ikuti memandangkan latehan2 yang di-jalani-nya begitu susah dan mudah mengechutkan hati peserta2-nya.

Tetapi dengan ketabahan dan kecekalan hati beliau, Sgt. Saidi berjaya juga menempoh segala chubaan yang sa-hingga, jelas-nya, terpaksa berhari2 terapong2 di-ayer sekalipun musim sejok.

Kini beliau bertugas sa-bagai anak kapal dalam Chawangan Udara AMDB sa-kembali-nya dari UK pada 15hb Jun yang baru lalu.



Sgt. Saidi

Jalani latehan intensif

DENGAN bermula-nya perkhidmatan ka-dalam Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei sa-bagai rekrut dalam bulan Ogos, 1975, Lt. Zainal berusia 24 tahun kini sedang menjalani latehan khas dalam memandu pesawat helikopter mulai bulan Mei yang baru lalu.

Latehan intensif yang di-jalani-nya kini sedang di-lateh oleh jurulatih khas dari Chawangan Udara AMDB, Kapitan Ibrahim bin Muhammad ia-itu sa-orang pemegang OHI yang berpengalaman.

Lt. Zainal telah menamatkan latehan rekrut-nya dalam bulan Februari 1976 dan di-angkat sa-bagai Pegawai Kadet AMDB dari Pusat Latehan AMDB di-Perkhemahan Bolkliah.

Sa-telah itu Lt. Zainal telah di-tempatkan di-'E'. Kompeni Battalion Kedua sa-lama enam bulan.

Dari sana Lt. Zainal berkesempatan lagi untuk mengikuti kursus penerbangan di-Sekolah Penerbangan Awam Singapura di-Lapangan terbang Silatar dari bulan Nobember, 1977 hingga Mei, 1978 dengan mendapat kelulusan 'Private Pilot Licence' (PPL).

Dengan kelulusan yang telah di-chapai itu, Lt. Zainal telah berkebolehan dalam memandu kapal terbang biasa dan helikopter.

Dan sa-lepas menjalani kursus di-Singapura itu beliau telah memulakan lagi kursus intensif yang kini sedang di-jalani-nya dalam



Lt. Zainal

memandu helikopter yang di-jangka akan berakhir dalam tempoh delapan hingga sembilan bulan.

Berkursus

BERAKAS. — Lt. Julaihi bin Abd Majid dari Pasukan Angkatan Laut Pertama AMDB telah berlepas ka-United Kingdom pada 15hb Julai lalu untuk mengikuti Intervention Petrol Vessel (I.P.V.) di-HMS. Vernon Portsmouth, sa-hingga Nobember depan.

Turut berlepas pada hari itu ia-lah Pegawai Kadet Haji Said bin Haji Puteh yang akan berkursus di-Akademik Tentera Diraja, Sandhurst UK sa-lama enam bulan.

Tiga orang lagi Pegawai Kadet telah juga meninggalkan tanah ayer pada 23hb Julai ka-Singapura. Mereka ia-lah: OC. Mohd Sutan bin Ibrahim, OC. Johar bin Haji Mohamad dan OC. Mires bin Liram.

Menuntut di-Great Britain

(Siri akhir)

Masa itu akan bertambah dalam kadar 2 minit tiap2 hari hingga 14hb Jun. Dari 15hb Jun, tambah masa-nya hanya 1 minit tiap2 hari hingga 1hb Julai. Mulai 2hb Julai masa itu kurang 1 minit tiap2 hari dan seterusnya kian bertambah kurang antara 2 dan 3 minit tiap2 hari hingga musim sejok. Musim sejok matahari masuk ialah kira2 jam 4.00 petang. Waktu malam lebih panjang

dari hari siang. Sungguh pun United Kingdom bukan sa-buah negara Islam tetapi terdapat banyak masjid dan surau untuk orang2 Islam beribadat. Masjid paling agong di-negeri itu ialah masjid di-Park Road, London, yang berdekatan dengan Regents Park. Sa-lain

daripada rumah2 ibadat, ada 102 buah pertubuhan2 Islam yang berusaha menyatu padukan penduduk2 Islam dan memelihara kesucian agama Islam di-negeri itu.

Lesen pemandu kereta Brunei sah di-gunakan di-United Kingdom apabila hendak memandu kereta di-negeri itu. Akan tetapi tempoh yang di-izinkan menggunakan-nya hanya

sa-lama tiga bulan dari tarikh tiba di-negeri itu. Lewat dari itu akan menjadi kesalahan undang2 jika di-dapati memandu kereta tanpa mempunyai lesen pemandu British. Untuk mendapatkan lesen pemandu British boleh diuruskan dengan menjalani ujian memandu. Sa-belum menghadapi permohonan untuk menjalani ujian memandu, terpaksa mempunyai lesen pemandu sementara untuk beberapa ketika ia-itu di-kehendaki memasang tanda 'L' bila memandu kereta. Borang permohonan untuk mendapatkan lesen pemandu itu boleh di-dapatkan dari mana2 Pejabat Pos.

PENUTUP:

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai panduan2 untuk tinggal di-United Kingdom boleh di-dapati dari buku yang di-terbitkan oleh The British Council yang bertajuk "How to live in Britain". Buku tersebut boleh di-dapati dari mana2 Pejabat British Council yang berdekatan atau dari alamat di-bawah:—

The British Council,
Publications Department,
65 Davies Street,
London W1Y 2AA,
England.

Saya harap renchana ini dapat memberi panduan yang diperlukan oleh penuntut2 yang akan berhajat melanjutkan pelajaran mereka ka-United Kingdom. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang ka-United Kingdom dan selamat tinggal kepada Penuntut2 Brunei yang sedang berada di-United Kingdom serta di-do'akan berjaya mendapat kelulusan. Selamat tinggal.

- (g) Sekira-nya penuntut ingin untuk membawa alat2 elektrik mesti-lah sesuai dengan bekalan elektrik British ia-itu 240 volts/50 cycles.
- (h) Puasa bulan Ramadan dalam tahun ini bermula pada 5hb Ogos ia-lah dalam musim panas. Di-London waktu imsak kira2 jam 3.57 subuh dan buka puasa jam 8.42 petang. Masa itu akan berkurang dua minit tiap2 hari. Jadual waktu sembahyang di-London mulai 1hb Jun seperti berikut:— Suboh 2.57; Dzuhr 12.58; Asar 5.02; Magrib 9.07 dan Isha 10.59.



KELIHATAN menurunkan tanda-tangan masing2 ka-dalam buku2 perjanjian ia-lah Y.B. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Pengarah Sharikat Penerbangan Diraja Brunei dan Mr. J. J. McLaughlin, Pengarah Regional Sharikat Perdagangan Kapal terbang Boeing ketika menanda-tangani perjanjian untuk membeli sa-buah lagi ka palterbang jenis boeing yang terbaru (Boeing B737/200) pada 13hb Julai lalu.

Kapalterbang tersebut boleh di-gunakan untuk kargo atau penumpang dan di-jangka akan di-serahkan kepada Diraja Brunei pada bulan Februari tahun 1980 sa-jurus sa-telah ia-nya selesai di-bena. Dengan pembelian itu bererti Diraja Brunei akan memiliki sa-banyak tiga buah kapal-terbang Boeing 737.

Menanda-tangani perjanjian tersebut yang telah di-langsungkan juga di-saksikan oleh Awang C. A. Weaver, Pengarah Regional, Penjualan Naib Yang Dipertua Penjualan Sharikat Boeing (No. 2 dari kiri); Awang Perdagangan RBA (No. 2 dan paling hujung sebelah kanan).

di-Bangunan Hong Kong dan Shanghai Bank, Bandar Seri Begawan turut Antarabangsa Kawasan Asia Tenggara (paling kiri); Awg. R.J. Campbell, A. T. Douglas, Pengurus Umom RBA dan Awang J. Kirby, Pengurus

PERTUBOHAN Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) bagi Daerah Brunei Muara dan Tutong telah mengadakan beberapa acara perayaan sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 pada hari Jumaat yang baru lalu.

Bertempat di-Dewan Sekolah Melayu SUAS, Muara, pertubuhan itu telah mengadakan pertunjukan peraduan urusan rumah-tangga yang di-anjorkan oleh WI, Chawangan Muara.

Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte. Abdullah telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 di-peraduan itu.

Sementara di-Daerah Tutong WI, Chawangan Tutong telah juga mengadakan peraduan kanak2 sehat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.




YDM. Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah ketika menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang pemenang pertunjukan peraduan tersebut, dan gambar bawah beberapa orang dari kanak2 yang ikut serta dalam peraduan kanak2 sehat.



GAMBAR2 atas dan bawah hasil kerja-tangan yang berupa sulaman renda dan gubahan bunga yang di-pertandingkan.



IKRAR TA'AT SETIA DARI PENDUDOK2 D-TUTONG



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, sedang memeriksakan perbarisan kehormatan di-Tutong.



Yang Berbahagia Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Haris.

TUTONG. — Raayat dan penduduk di-Daerah Tutong bersedia menumpukan segala usaha dan tenaga dalam memikul dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menjadikan Brunei sebagai sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka penuh.

Menjunjung titah Baginda bagi kemerdekaan Brunei itu, mereka berikrar akan terus melaksanakan apa jua usaha yang berkeabajkan terutama pada mencapai hasrat Baginda yang mulia itu.

Mereka sama2 mendoakan agar hasrat dan niat suci Baginda Yang Dipertuan itu di-berkati oleh Allah.

Sembah menjunjung kasih dan sukongan raayat dan penduduk Daerah Tutong itu ada-lah antara kandungan penting dalam sembah keshukoran Pegawai Daerah itu, Awang Haji Yahya bin Haji Haris dalam istiadat mengadap dan menyembahkan keshukoran atas puja usia Baginda yang ke-32 yang berlangsung pada hari Khamis, 20hb Julai lepas di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Awang Haji Yahya seterusnya menyembahkan kemajuan2 ranchangan Kerajaan yang di-chapai di-daerah tersebut sa-lain dari menyembahkan betapa penduduk2 dan raayat di-situ sangat2 menjunjung kasih atas keberangkatan Baginda ka-daerah itu.

Menyembahkan keshukoran bagi pehak pegawai2 Kerajaan dan raayat dan penduduk Daerah Tutong, Awang Haji Yahya berdatang sembah bahawa Daerah Tutong sedang giat melaksanakan projek2 perkembangan demi untuk keselamatan dan ketinggian taraf hidup raayat dan penduduk di-situ.

Sa-lain dari memperbaiki dan meluaskan lagi projek2 Kerajaan yang sedia ada,



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika menyampaikan titah di-Istiadat Mengadap, di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

pembinaan stesen Setalait bumi di-Telisi yang pembebasan kawasaannya sedang giat di-laksanakan itu di-sifatkan-nya sebagai satu lagi kemajuan Negeri Brunei di-bidang sains dan teknologi.

Pegawai Daerah itu menyembahkan bahawa stesen setalait bumi yang menelan belanja berjuta2 ringgit itu bukan saja akan dapat menghubungkan Brunei lebih dekat lagi

kehidupan raayat, Pegawai Daerah itu berdatang sembah yang perkembangan bekalan ayer dan letrik ada-lah terus di-perbaiki dan di-perluaskan menurut permintaan pengguna2 yang semakin bertambah di-daerah itu.

Menyudahi sembah ucapan keshukoran-nya, Pegawai Daerah itu mengulangi sembah ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi dari raayat dan

memeriksa perbarisan. Upacara itu telah di-akhiri dengan tembakan meriam 21 das dan di-ikuti dengan sorak "Daulat Tuanaku" sebanyak tiga kali.

Bermula pada hari itu, Daerah Tutong telah mengadakan berbagai2 acara sambutan yang melibatkan semua golongan raayat telah sama2 mengambil bahagian.

Sa-lepas upacara perbarisan kehormatan dan me-

Akan melipat-gandakan usaha2 pada menunaikan hasrat D.Y.M.M.

dengan dunia, bahkan segenap lapisan raayat dan penduduk negeri ini akan dapat merasa nikmat-nya.

Awang Haji Yahya menyembahkan juga mengenai pembinaan bangunan pejabat2 Kerajaan di-daerah itu yang sedang dalam pelaksanaan-nya bagi menggantikan bangunan yang lama yang ada sekarang.

Daerah Tutong juga akan dapat menggunakan Dewan Kemasyarakatan yang sedang dalam pembinaan itu dan di-jangka siap tidak berapa lama lagi.

Dewan itu akan digunakan untuk kegiatan2 sosial penduduk2 di-situ sa-lain dari di-khaskan untuk upacara2 rasmi.

Menyembahkan mengenai dengan lain2 perkembangan untuk memperbaiki

penduduk di-daerah itu terhadap Baginda Yang Dipertuan selaku pemimpin utama tampok pemerintahan Negeri Brunei.


Di-istiadat itu, Baginda Yang Dipertuan telah menyampaikan titah singkat (lihat muka 1) dan sebelum itu, Baginda telah berchemar duli ka-upacara perbarisan kehormatan puja usia Baginda yang berlangsung di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim.

Mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah Battalion ke-2 Askar Melayu Diraja Brunei dengan pasukan Serunai dan Tambor-nya, Pulis Diraja Brunei, Kadet Askar Melayu Diraja dan Persatuan Palang Merah. Di-upacara itu, Baginda telah menerima tabek kehormatan dan

nyembahkan ucapan2 keshukoran itu, di-Sungai Tutong telah di-langsungkan satu temasha lumba perahu yang telah di-banjiri oleh ribuan penunton yang bukan saja datang-nya dari sekitar Tutong, bahkan dari daerah2 lain terutama-nya dari Bandar Seri Begawan.

Beberapa buah perahu lumba dari Bandar Seri Begawan telah turut mengambil bahagian dalam beberapa acara perlumbaan termasuk lumba motosangkut.

Lumba perahu berkayoh sa-puluh orang ada-lah kemunchak temasha perlumbaan pada hari itu dan dalam bahagian ini "Seri Guddam" yang di-punyai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah mendapat tempat pertama.



Penyampaian hadiah di-salah satu acara perlumbaan perahu yang telah berlangsung di-Sungai Tutong pada 20hb Julai, 1978 yang lalu.



Pancharagam AMDB ketika menyerikan Istiadat Perbarisan Kehormatan pada hari itu.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat DYMM Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. PELUKIS GERAFIK : Kelayakan2 dan Pengalaman :

Calon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan fasih bertutur bahasa Melayu dan Inggeris. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Pelukis Gerafik Talivishen atau Commercial gerafik. Kelulusan sebarang Iait Diploma in Arts dan Design atau yang sebanding dengan-nya ada-lah di-utamakan. Lain2 kebolehan dan kemahiran dalam bidang lukis melukis akan juga di-pertimbangkan.

Tugas2 :
Calon2 yang di-pilih akan membuat kerja2 berkaitan dengan semua rancangan TV, animasi, commercial, dan lain2. Calon2 mesti-lah bersedia bertugas siang dan malam, Jumaat/Ahad dan membuat kerja2 bila2 di-tugaskan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.2-3 EB.4 — \$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428-1479-1530-1581-1632-1683-EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELIA SERIKATA : Kelayakan2 dan Pengalaman :

Calon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge, atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Mereka mesti-lah boleh menerjemah dialog filem sa-chara serentak dari Inggeris ka-bahasa Melayu.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.1 EB.2 — \$944-982-1033-EB/1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. TUKANG KAYU PENTAS :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Calon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan fasih bertutur dalam bahasa

Melayu dan Inggeris. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman dalam kerja2 pertukangan kayu dan susunan pentas TV dan pertukangan kayu. Mereka mesti-lah tahu membaca Studio Floor Plan dan silok belok antara 2D ka-3D dan seterusnya susunan pentas. Mempunyai Sijil City and Guilds atau tamat Sekolah Pertukangan Kayu.

Tugas2 :
Calon2 yang berjaya akan membuat kerja2 mendirikan pentas dalam Studio maupun di-luar, termasuk membina perkakas2 pentas. Mesti-lah bersedia menjalankan tugas siang dan malam, Jumaat/Ahad dan membuat pentas luar studio jika di-tugaskan dengan siaran luar TV.

Tugas2 :
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — \$854-880-905-931-956-982-1007-EB/1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Kesutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah perpustakaan piring hitam.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Kesutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah perpustakaan piring hitam.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

SERIAL No. 51 (AC) 78
AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 1st August, 1978 for the :—

AUTOMOTIVE CLASS-ROOM AND OFFICE JEFRI BOLKIAH SCHOOL ENGINEERING KUALA BELAIT.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders will be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Automotive Classroom and Office, Jefri Bolkiah School Engineering, Kuala Belait.'

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. Deposit \$200.00 refundable to all unsuccessful tenderer on return of all tender documents in good condition.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 142 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st August, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF WATER-BORNE SANITATION TO QUARTERS AT VARIOUS SCHOOLS IN TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 143 OF 1978

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st August, 1978 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-STONES TO JALAN BERAKAS FOR WIDENING OF THE ROAD FROM OLD AIRPORT ROAD JUNCTION TO ROUNDABOUT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 144 OF 1978

FRESH Tenders will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th August, 1978 for :—

RE-CONSTRUCTION OF ROOF FOR LOADING AREA (CORRIDOR) AT STATE STORES, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 145 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th August, 1978 for :—

PROPOSED WORK-SHOP FOR MUSEUM DEPARTMENT AT JALAN RESIDENCY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

CHARLIE FOO
Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

JABATAN PELAJARAN BRUNEI TAWARAN PERMAKAMAN ASRAMA TAHUN 1979

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, Pejabat Kewangan Negara, Brunei sa-hingga pada hari Rabu 30hb Ogos, 1978 jam 4.00 petang untuk membekalkan Bahan2 Permakaman Asrama sa-panjang tahun 1979 ka-Asrama berikut:—

1. Pusat Tingkatan Enam, Gadong, Brunei.
2. Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara, Brunei.
3. Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolikah, Gadong, Brunei.
4. Asrama Puser Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Brunei.
6. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.
7. Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, Brunei.
8. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.
9. Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.
10. Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.
11. Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.
12. Maktab Anthony Abell, Seria.
13. Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

2. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh di-perolehi di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. Tawaran yang di-terima sa-lepas jam 4.00 petang, pada hari Rabu 30hb Ogos, 1978 tidak akan di-terima.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat biasa yang tertutup rapi, di-alamatkan saperti di-para 1 diatas dan hendak-lah di-bubuh tanda dengan terang: 'TAWARAN PERMAKAMAN ASRAMA TAHUN 1979.'

Di-luar sampul surat itu mesti-lah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan sa-tiap tawaran yang di-tulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan di-tolak.

5. Wang pertarahan (Deposit) sa-banyak \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) bagi tiap2 satu asrama hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar. Wang itu akan di-kembalikan kepada pemohon2 yang tidak berjaya. Sa-kira-nya pemohon2 yang berjaya menolak tawaran itu, maka wang pertarahan-nya akan hilang.

6. Pemohon2 mesti-lah mereka yang tinggal di-dalam daerah tempat asrama itu. Mereka tidak di-benarkan memohon di-daerah yang lain.

7. Kerajaan tidak akan bertanggung jawab bagi menerima sebarang tawaran.

8. Waktu2 mendaftar ia-lah pada tiap2 hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.30 petang hingga 2.30 petang pada tiap2 hari Isnin hingga Khamis, dari jam 8.00 hingga 10.30 pagi tiap2 hari Sabtu.

No. 146 OF 1978
TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th August, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS AND OTHER STRUCTURES ALONG PERIMETER ROAD AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicle to the Department of Agriculture.

One (1) unit 7/8 ton lorry of the following specifications.

- (i) Six cylinder diesel engine.
- (ii) 7-8 tons carrying capacity.
- (iii) Long wheel base chassis.
- (iv) Drop side body to maximum permitted length.

Tenderers should state price delivered to Departmental Workshops, Kilanas and delivery date. The quoted price should include painting and lettering to Departmental specifications which may be obtained from the Farm Machinery Engineer, Kilanas Workshops.

Tenders should be marked "Department of Agriculture 7/8 ton Lorry" and submitted under confidential cover to the Chairman Brunei State Tenders Board Office of the State Financial Officer Bandar Seri Begawan not later than noon on Thursday August 3rd, 1978.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUSA WARITH KERAJAAN, BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 14/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tane bte Chee, d/a Kampong Kiudang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Salleh bin Rebi @ Bangkit yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 15/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Payak bte Tali, d/a Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yahya bin Abdul Rahman @ Raman yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 16/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Beluluk bin Bambi, d/a Kampong Merimbun, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Bambi bin Dagang yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

No. 17/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohammad Isa bin Dzulkifle, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dzulkifle bin Gador @ Zulkiply yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

No. 18/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Sitiawa bte Aman, Lot No. 2430 Jalan Pandan/Zainal Salleh P.O. Box 563, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Aman bin Mohammad yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 19/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Jaludin bin Tanjong, d/a Kampong Menengah Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Norja bte Saban yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-

pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 20/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Seia bin Hitam, d/a Kampong Bukit Panggal, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ampis bte Hitam yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

No. 21/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tahir bin Ali @ Md. Tahir bin Mat Salleh, d/a Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ali bin Serudin @ Mat Salleh yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

No. 22/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Radiah bte Lamudin, d/a Kampong Telamba Tesalai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamudin bin Abdullah @ Okot bin Sundai yang telah mening-

gal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

No. 23/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hajjah bte Matsahat, d/a Kampong Pengkalau Mau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Othman bin Tarip yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan2 di-datas akan di-dengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 1 haribulan Ogos, 1978, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-datas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan2 itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-datas.

Bertarikh 17 haribulan Julai, 1978.

CHARLIE FOO
Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

KUALA BELAIT. — Perayaan bagi menyambut Hari Puja Usia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Belait telah bermula dengan satu Perbarisan Kehormatan yang telah berlangsung di-padang KBRC di-sini pada 23hb Julai yang baru lalu.

Perbarisan tersebut telah diketuai oleh Timbalan Penguasa Pulis, YAM Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan, Pegawai Pemerintah Yunit Simpanan Pulis Diraja Brunei.

Sa-ramai 470 orang peserta yang mewakili pasukan2 Pulis Diraja Brunei termasuk Pulis wanita, Kadet Pulis Diraja, Kadet Askar Melayu Diraja, Jabatan Kastam, Pertubohan2 Palang Merah, Pengakap dan Pandu Puteri telah turut serta dalam perbarisan tersebut.

Ia-nya telah di-serikan lagi dengan permainan serunai dan tambur dari pasukan pancha-ragam Pulis Diraja Brunei yang juga memainkan beberapa buah lagu yang berchorak asli.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan rombongan Diraja tiba dari Bandar Seri Begawan dengan menaiki helikopter dan turun di-padang Jalan Panglima sebelum berangkat ka-istiadat Perbarisan Kehormatan pagi itu.

Ketibaan Baginda telah disambut dengan permainan hadrah oleh kumpulan hadrah Sekolah Inggeris Perdana Wazir dengan kibaran bendera tanda kegembiraan dari penuntut2 dan penduduk2 di-sini yang telah membanjiri di-sepanjang jalan-raya2 yang di-lalui oleh kenderaan Diraja.

Di-pentas khas Baginda telah menerima tabek kehormatan dan hormat Diraja sebelum dijunjong untuk memeriksa barisan.



Sempurna memeriksa perbarisan Baginda kemudian-nya sekali lagi telah menerima tabek hormat berjalan lalu dari peserta2 perbarisan yang berbagai chorak demi untuk menyerikan lagi upacara yang gilang-gemilang itu.

Sa-banyak 21 das tembakan meriam dari Pasukan Meriam Pulis Diraja Brunei telah dilepaskan untuk tanda selamat bagi Duli Yang Maha Mulia. Ini di-ikuti kemudian-nya oleh tiga kali "Daulat Tuanku" sabagai tanda kemegahan kepada Baginda dari pasukan perbarisan.

Selesai upacara perbarisan tersebut, Baginda dan rombongan Diraja kemudian berangkat ka-Dewan Kemasharakatan untuk berchemar Duli di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan keshukoran.

PENDUDOK2 BELAIT SEDIA TUNAIKAN HASRAT D.Y.M.M.

KUALA BELAIT. — Raayat dan penduduk di-Daerah Belait berjanji akan berusaha sa-be-rapa daya demi untuk sama2 memikul tanggung-jawab dan kewajiban ka-araf mendokong dan menjunjong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada membisakan lagi Negeri

Brunei yang merdeka penoh dan berdaulat.

Demikian ikrar taat setia yang telah di-semahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar bagi mewakili seluruh Pegawai2 Kerajaan, raayat dan penduduk Daerah Belait di-Istiadat Mengadap yang telah berlangsung di-Dewan Kemasharakatan di-sini, pada 23hb Julai yang baru lalu.

Ikrar tersebut di-semahkan untuk menyokong penoh dan menyambut baik atas hasrat kemerdekaan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Lapau pada 15hb Julai lalu.

Menyembahkan keshukoran atas segala nikmat keselesaan hidup yang aman dan sejahtera bagi penduduk2 Daerah Belait Dato Paduka Awang Haji Abdullah menjelaskan, semua itu ada-lah atas berkat pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengendalikn pentadbiran Kerajaan Baginda yang adil dan cekap.

Menyentuh projek2 Kerajaan di-peringkat negeri dan daerah yang di-laksanakan semata-mata bagi meninggikan taraf hidup raayat, Dato Paduka Awang



Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awg Haji Abdullah.

Haji Abdullah juga menegaskan, hasil dari usaha tersebut telah terbukti dapat memberi nikmat yang sangat2 di-perlukan.

Dalam mengakhiri sembah-nya di-istiadat pagi itu Dato Paduka Awang Haji Abdullah berdo'a kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dilanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta keluarga Baginda.

Kursus Peti Sejuk dan Hawa Dingin

KUALA BELAIT. — Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait akan menawarkan satu kursus sa-lama 9 bulan bermula pada bulan September 1978 ini untuk Sijil City and Guilds 827 Peti Sejuk 11 (Commercial and Industrial Refrigeration and Air Conditioning).

Pemohon yang ingin mengikuti kursus ini mesti-lah raayat Brunei yang telah lulus peperiksaan City and Guilds 827 Peti Sejuk dan Hawa Dingin bahagian 1.

Mereka yang berminat mesti-lah hadir ka-Jabatan Pelajaran Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 19hb Ogos, 1978 jam 2.15 petang untuk di-temuduga. Mereka hendak-lah membawa bersama mereka Sijil City and Guilds dan kad pengenalan.

Pameran Urusan Rumah-Tangga anjoran PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah telah merasmikan pameran urusan rumah-tangga anjoran Persatuan Pertiwi, sebagai salah satu acara perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertempat di-Pusat Belia di-sini Jumaat lalu.

Sa-banyak 30 bahan pameran telah di-pamerkan. Hadiah2 telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masnah.

Dua orang pemenang, Dayang Halimah binte Mohammad Yusof telah menerima tiket penerbangan pergi balek ka-Singapura yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei sementara sa-orang lagi, Dayang Boche binte Yahya telah menerima tiket penerbangan pergi balek ka-Kota Kinabalu sumbangan Sharikat Penerbangan Antarabangsa Singapura.

Juga di-adakan di-majlis itu ialah penyampaian sijil2 kepada pelajar2 kelas dewasa membenteras buta huruf oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

Turut berucap di-majlis itu ialah Pengerusi PERTIWI Datin Hajjah Zahrah, yang juga telah menyampaikan chenderamata kenang2-an kepada para tetamu kehormat.

Sementara itu satu lagi pameran yang serupa telah di-adakan di-Sekolah Melayu SUAS Muara pada hari yang sama. Ia-nya di-anjorkan oleh ahli2 jawatankuasa Pertubohan Perkumpulan Perempuan Brunei chawangan Muara.

Berucap di-majlis pembukaan pameran tersebut ialah Pengerusi pameran, Dayang Masnah binte Haji Tuah dan Pengerusi Pertubohan Perkumpulan Wanita Brunei, Dayang Marhani binte Abdul Latif.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Baginda Sultan, Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah binte Abdullah. Turut hadir di-pameran tersebut ia-lah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Seri Rama Dato Mohammad bin Momin dan lain2 pegawai Jabatan Pelajaran.

AMARAN

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei minggu ini mengingatkan orang ramai terutama penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan Padang Tembak Binturan, Daerah Tutong supaya jangan mendekati kawasan tersebut mulai dari hari Ahad 30hb Julai sa-hingga hari Rabu, 2hb Ogos depan kerana Platoon Meriam Katak Battalion Kedua akan menjalankan latihan menembak meriam katak dengan menggunakan peluru2 hidup.

Latihan tersebut akan berjalan antara jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, 1.00 petang hingga 5.00 petang dan 6.00 petang hingga 12.00 tengah malam pada hari2 tersebut.



SA-BAHAGIAN daripada penunton sedang ashek memerhatikan pameran urusan rumah-tangga anjoran Pertiwi pada hari itu.